



KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

The background of the cover is a blue-tinted aerial photograph of Johor Bahru, Malaysia. A large, semi-transparent globe is overlaid on the left side of the image, showing the outlines of continents. The text 'LAPORAN EKONOMI 2008/2009' is printed in a bold, yellow, sans-serif font on the right side of the image.

LAPORAN EKONOMI 2008/2009

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI



KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

LAPORAN EKONOMI 2008/2009

**Disediakan Oleh:
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dalam tahun 2008, dunia telah mengalami pergolakan ekonomi yang agak luar biasa.

Dalam separuh tahun pertama, kadar perkembangan ekonomi di hampir semua negara mencapai tahap yang memuaskan sungguhpun diiringi oleh kadar inflasi yang tinggi dicetuskan oleh peningkatan harga minyak dan cuaca buruk. Ekonomi Malaysia dan juga ekonomi Johor terus berkembang pada kadar melebihi 6 peratus. Harga makanan di Malaysia dan negeri Johor meningkat sebanyak 8 peratus dan kos sara hidup keseluruhannya meningkat hanya sebanyak 3.7 peratus. Ini adalah akibat pemberian subsidi minyak petrol dan makanan oleh kerajaan. Peningkatan harga minyak petrol dan makanan telah membawa kegelisahan dan kesusahan di kalangan rakyat di seluruh dunia, terutamanya bagi yang berpendapatan rendah. Ramai juga rakyat negeri Johor yang mengalami kesusahan akibat kenaikan harga makanan, minyak petrol dan komoditi-komoditi lain. Tetapi dalam masa yang sama, ramai juga yang mengecap keuntungan besar akibat kenaikan harga. Kumpulan ini termasuk pengusaha kelapa sawit dan getah serta pengeluar-pengeluar bahan makanan.

Mulai bulan Julai dan Ogos, keadaan ekonomi dunia berubah sama sekali. Harga minyak petrol yang mencapai tahap tertinggi dalam sejarah menjunam sebanyak 62 peratus dalam masa tiga bulan. Harga makanan terutamanya bijirin juga jatuh semula ke tahap sepertimana pada penghujung tahun 2007. Ini adalah kesan pengeluaran yang lebih tinggi akibat cuaca baik. Harga kelapa sawit juga menjunam disebabkan oleh kejatuhan permintaan dan penawaran yang berlebihan. Masalah kewangan yang dicetuskan oleh gadaian 'sub prime' di Amerika Syarikat sudah menjadi krisis yang sudah merebak di seluruh dunia. Keadaan resesi melanda Amerika Syarikat dan kebanyakan ekonomi negara-negara barat serta beberapa ekonomi Asia termasuk Jepun. Ekonomi Malaysia dan ekonomi negeri Johor jelas sudah menerima kesan negatif dari kemelesetan ekonomi dunia. Kadar pertumbuhan dalam suku tahun ketiga sudah merosot dengan ketara.

Untuk menentang arus kemelesetan ekonomi, adalah dipersetujui bahawa kerajaan di semua negara harus bekerjasama dan bertindak dengan serentak. Kerajaan Malaysia sudahpun mengambil langkah yang positif dengan menyediakan 'pakej peransang' sebanyak RM7 billion yang bertujuan meningkatkan tahap penggunaan dalam negeri dan memperkukuhkan sektor pembinaan serta peningkatan pelaburan. Kerajaan negeri Johor juga harus mengambil tindakan untuk menangani keadaan kelemahan ekonomi negeri Johor. Dalam hal ini, kerajaan negeri akan memastikan bahawa projek-projek besar yang telah diluluskan, termasuk projek-projek dalam Iskandar Malaysia, dilaksanakan dengan segera dalam tahun 2009. Pelaksanaan projek lain di luar bandar terutamanya yang bertujuan meningkatkan pengeluaran makanan dan membasmi kemiskinan akan dipercepatkan. Dengan tindakan oleh kerajaan seluruh dunia, termasuk kerajaan Malaysia dan kerajaan negeri Johor, kita mengharap bahawa ekonomi Malaysia dan juga ekonomi negeri Johor dapat mencapai kadar pertumbuhan yang positif dalam tahun 2009.

Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada pihak UPEN dan semua jabatan-jabatan kerajaan negeri dan persekutuan, pihak-pihak swasta dan lain-lain pihak yang terus bekerjasama untuk menerbitkan Laporan Ekonomi, Laporan Sosial dan Indeks Kualiti Hidup bagi tahun ini.

(DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN)
Menteri Besar Johor.

BAB 1	:	PENDAHULUAN	1-1
		SKOP LAPORAN	1-1
		RINGKASAN PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR DALAM DALAM TAHUN 2008	1-1
BAB 2	:	PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR DALAM KONTEKS EKONOMI MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL	2-1
		PERSPEKTIF GLOBAL	2-1
		EKONOMI MALAYSIA	2-7
		LAIN-LAIN PETUNJUK PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR	2-14
		PENUTUPAN SYARIKAT	2-14
		PEMBERHENTIAN PEKERJA	2-15
		PENDUDUK	2-16
BAB 3	:	SEKTOR PRIMER	3-1
		PERTUMBUHAN SEKTOR PRIMER	3-2
		PRESTASI SEKTOR-SEKTOR KECIL PERTANIAN	3-4
		AKTIVITI AGENSI KERAJAAN	3-9
		SEKTOR KECIL PERTERNAKAN	3-13
		SEKTOR KECIL PERIKANAN	3-15
		SEKTOR KECIL PERHUTANAN	3-17
		SEKTOR BAHAN BATUAN DAN GALIAN	3-18
BAB 4	:	SEKTOR SEKUNDER	4-1
		PENDAHULUAN	4-1
		PRESTASI SEKTOR PEMBUATAN DI SELURUH MALAYSIA	4-1
		PRESTASI SEKTOR PEMBUATAN DI NEGERI JOHOR	4-2
		PERKEMBANGAN INDUSTRI PEMBUATAN DALAM ISKANDAR MALAYSIA	4-5

JUMLAH PENUTUPAN KILANG	4-7	
PEMBERHENTIAN PEKERJA	4-7	
KELULUSAN PELABURAN DALAM SEKTOR PEMBUATAN NEGERI JOHOR	4-9	
JUMLAH PELABURAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT INDUSTRI	4-10	
INDUSTRI TUMPUAN UTAMA PELABUR TEMPATAN	4-12	
INDUSTRI TUMPUAN UTAMA PELABUR ASING	4-13	
PELABURAN ASING MENGIKUT NEGARA ASAL	4-14	
LOKASI PROJEK-PROJEK PELABURAN YANG DILULUSKAN	4-16	
SEKTOR PEMBINAAN		
PENDAHULUAN	4-19	
PENAWARAN HARTA KEDIAMAN	4-19	
PENAWARAN HARTA PEJABAT BINAAN KHAS	4-25	
KOMPLEKS PERNIAGAAN	4-27	
UNIT KEDAI	4-29	
HARTA PERINDUSTRIAN	4-33	
BAB 5	: SEKTOR TERTIARI	5-1
PENDAHULUAN	5-1	
PERNIAGAAN RUNCIT	5-1	
PELANCONGAN	5-7	
PENGANGKUTAN	5-10	
PELABUHAN	5-14	
UTILITI	5-17	
BAB 6	: KEWANGAN	6-1
PENDAHULUAN	6-1	
HASIL	6-1	
PERBELANJAAN	6-3	

Jadual 2.1	Peratus Kadar Peningkatan KDNK Bagi Negara-Negara Pilihan dan Juga Negara-Negara Asean	2-1
Jadual 2.2	Peningkatan KDNK-Johor dan Malaysia 2008 (Peratus)	2-10
Jadual 2.3	Prestasi KDNK Negeri Johor dan Kadar Pertumbuhan KDNK Tahunan (Berasaskan Harga Tetap 2000), 2005-2008	2-13
Jadual 2.4	Jumlah Penutupan Syarikat mengikut Sektor di Negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	2-14
Jadual 2.5	Jumlah Pemberhentian Pekerja mengikut Sektor Di Negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	2-16
Jadual 2.6	Taburan Penduduk di negeri Johor mengikut Daerah Bagi Tahun 2005-2008	2-17
Jadual 2.7	Taburan Kepadatan Penduduk di negeri Johor Mengikut Daerah bagi Tahun 2005-2008	2-17
Jadual 2.8	Taburan Kepadatan Penduduk di negeri Johor Mengikut Daerah bagi Tahun 2005 dan 2008	2-17
Jadual 3.1	Kadar Pertumbuhan (%) Pengeluaran Sektor-Sektor Kecil Pertanian Negeri Johor, 2008	3-2
Jadual 3.2	Perbandingan Kadar Pertumbuhan Tahunan dan Sumbangan Nilai Ditambah Sektor Pertanian Negeri Johor dan Malaysia, 2004- 2007	3-3
Jadual 3.3	Keluasan Tanaman Utama (Dalam Hektar) di Negeri Johor Bagi Setengah Tahun Pertama 2007 Dan 2008	3-4

Jadual 3.4	Pengeluaran Tanaman Utama Negeri Johor Dalam Setengah Tahun Pertama 2007 Dan Setengah Tahun Pertama 2008 (Tan Metrik)	3-6
Jadual 3.5	Pengeluaran dan Harga bagi negeri Johor, ST1 2007-ST3 2008	3-8
Jasual 3.6(a)	Keluasan Dan Pengeluaran Tanaman Utaman yang Diluluskan Oleh Johor Corporation Bagi Setengah Tahun Pertama 2008- OPERASI MALAYSIA.	3-9
Jadual 3.6(b)	OPERASI INDONESIA	3-9
Jadual 3.6(b)	OPERASI PAPUA NEW GUINEA	3-10
Jadual 3.7	Maklumat FELDA Negeri Johor; ST1-ST3 2008	3-10
Jadual 3.8	Maklumat dan Kemajuan FELCRA Negeri Johor Bagi Setengah Tahun Pertama 2007 dan 2008	3-11
Jadual 3.9	Maklumat RISDA Negeri Johor Bagi ST2 2007 dan ST1 – ST2 2008	3-12
Jadual 3.10	Pengeluaran Daging Ternakan dan Telur Ayam/Itik di Negeri Johor Bagi Tahun 2007 dan ST1-ST3 2008 (Tan Metrik)	3-13
Jadual 3.11	Purata harga Komoditi Utama Hasil Penternakan Bagi Tahun 2007 Hingga Suku Tahun Ketiga 2008 (RM)	3-14
Jadual 3.12	Nilai Eksport Ternakan Utama Bagi Suku Tahun 2007 dan 2008 (RM Juta)	3-14
Jadual 3.13	Pengeluaran Hasil Perikanan Utama Negeri Johor Bagi ST1-ST2 2007 Dan 2008 (Tan Metrik)	3-16

Jadual 3.14	Nilai Eksport Hasil Perikanan Utama Negeri Johor Bagi Setengah Tahun Pertama 2007 dan 2008 (RM Juta)	3-17
Jadual 3.15	Pengeluaran Barangan Kayu Utama Dalam Setengah Tahun Pertama 2006, 2007 dan 2008 (Meter Padu)	3-18
Jadual 3.16	Pengeluaran Bahan Batuan di Negeri Johor Bagi ST1-ST2 2008	3-19
Jadual 3.17	Nilai Eksport Pelbagai Hasil Bahan Batuan Negeri Johor Bagi ST1-ST2 2008 (RM)	3-20
Jadual 4.1	Kadar Peningkatan Pengeluaran bagi Industri Utama Negeri Johor dan Peningkatan Tahunan 2007 dan ST1-ST3 2008	4-3
Jadual 4.2	Kadar Peningkatan Pengeluaran bagi Industri Utama Negeri Johor ST1-ST3 2008	4-4
Jadual 4.3	Kadar Peningkatan Pengeluaran Industri Pembuatan Utama (Berasaskan Tahap Penggunaan Kuasa Elektrik) Daerah Iskandar Malaysia ST1- ST3 2008	4-6
Jadual 4.4	Jumlah Penutupan Syarikat Sektor Pembuatan di negeri Johor sehingga september bagi tahun 2007 dan 2008	4-8
Jadual 4.5	Jumlah Pemberhentian Pekerja Sektor Pembuatan di negeri Johor sehingga september bagi tahun 2007 dan 2008	4-8
Jadual 4.6	Projek Perkilangan yang diluluskan di Johor mengikut Jenis Industri sehingga september 2008	4-11

Jadual 4.7	Projek Perkilangan yang diluluskan di Johor mengikut Jenis Industri sehingga september 2007	4-11
Jadual 4.8	Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Penyertaan Asing di Johor Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	4-15
Jadual 4.9	Projek-projek Yang Diluluskan Di Johor Mengikut Lokasi, Jan - Sept 2008	4-17
Jadual 4.10	Projek-projek Yang Diluluskan Di Johor Mengikut Lokasi, Jan - Sept 2007	4-18
Jadual 4.11	Status Stok Kediaman Sedia Ada dan Siap di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007, ST1 dan ST2 2008	4-21
Jadual 4.12	Status Stok Kediaman Akan Datang dan Yang Dirancang di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007, ST1 dan ST2 2008	4-21
Jadual 4.13(a)	Penawaran Unit Kediaman Mengikut Jenis Di Negeri Johor Pada Suku Tahun Kedua 2007	4-23
Jadual 4.13(b)	Penawaran Unit Kediaman Mengikut Jenis Di Negeri Johor Pada Suku Tahun Kedua 2008	4-23
Jadual 4.14	Bilangan Unit Kediaman (Siap Dibina) Tidak Terjual Mengikut Jenis Di Johor Pada ST2 2007 dan ST2 2008	4-24
Jadual 4-15	Ringkasan Penawaran Pejabat Binaan Khas Sedia Ada di Negeri Johor Pada Setipa Suku Tahun 2007, ST1 dan ST2 2008 (Meter Persegi)	4-26
Jadual 4-16	Ringkasan Penawaran Pejabat Binaan Khas Akan Datang dan Dirancang di Negeri Johor Pada Setipa Suku Tahun 2007, ST1 dan ST2 2008 (Meter Persegi)	4-26

Jadual 4.17	Ringkasan Penawaran Kompleks Perniagaan Sedia Ada di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007, ST1 dan ST2 2008 (Meter Persegi)	4-28
Jadual 4.18	Ringkasan Penawaran Kompleks Perniagaan Akan Datang dan Dirancang di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007, ST1 dan ST2 2008 (Meter Persegi)	4-28
Jadual 4.19	Ringkasan Penawaran Unit Kedai Sedia Ada di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007, ST1 dan ST2 2008	4-30
Jadual 4-20	Ringkasan Penawaran Unit Kedai Akan Datang dan Yang Dirancang di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007, ST1 dan ST2 2008	4-30
Jadual 4.21(a)	Penawaran Unit Kedai Mengikut Jenis Di Negeri Johor Pada Suku Tahun Kedua 2007	4-31
Jadual 4.21(b)	Penawaran Unit Kedai Mengikut Jenis Di Negeri Johor Pada Suku Tahun Kedua 2008	4-31
Jadual 4.22	Bilangan Unit Kedai (Siap Dibina) Tidak Terjual Mengikut Jenis Di Johor Pada ST2 2007 dan ST2 2008	4-32
Jadual 4.23	Ringkasan Penawaran Unit Industri Sedia Ada dan Siap di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007, ST1 dan ST2 2008	4-34
Jadual 4.24	Ringkasan Penawaran Unit Industri Akan Datang dan Yang Dirancang di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007, ST1 dan ST2 2008	4-34
Jadual 4.25(a)	Penawaran Unit Industri Mengikut Jenis Di Negeri Johor Pada Suku Tahun Kedua 2007	4-35

Jadual 4.25(b)	Penawaran Unit Industri Mengikut Jenis Di Negeri Johor Pada Suku Tahun Kedua 2008	4-35
Jadual 4.26	Bilangan Dan Nilai Unit Industri Yang Telah Siap Tetapi Tidak Terjual Mengikut Jenis Di Johor Pada ST2 2007 dan ST2 2008	4-37
Jadual 5.1(a)	Indeks Keseluruhan Harga Makanan di Bandar Utama Terpilih sehingga Jun 2007	5-2
Jadual 5.1(b)	Indeks Keseluruhan Harga Makanan di Bandar Utama Terpilih sehingga Jun 2008	5-2
Jadual 5.2	Kemasukan Warga Asing melalui Negeri Johor Mengikut Negara Asal sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-8
Jadual 5.3	Kemasukan Warga Asing melalui Negeri Johor mengikut Pintu Masuk Utama sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-9
Jadual 5.4	Pergerakan Penumpang Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Senai Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-11
Jadual 5.5	Bilangan Penerbangan Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Senai Sehingga September bagi Tahun Pertama 2007 dan 2008	5-12
Jadual 5.6	Bilangan Pergerakan Kargo Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Senai sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-13
Jadual 5.7	Pengendalian Kargo mengikut Kategori di Pelabuhan Pasir Gudang sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-15

Jadual 5.8	Pengendalian Kargo di Pelabuhan Tanjung Pelepas Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-15
Jadual 5.9	Pergerakan Penumpang dan Barangan melalui KTMB di Negeri Johor sehingga September 2007 dan 2008	5-16
Jadual 5.10	Unit Jualan KWJ (juta) mengikut Jenis Pengguna di Negeri Johor Sehingga September 2007 dan 2008	5-17
Jadual 5.11	Penggunaan Air (JLH) Di Negeri Johor Mengikut Daerah sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-19
Jadual 5.12	Penggunaan Air (JLH) Di Negeri Johor Mengikut Kategori sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-19
Jadual 5.13	Profil Sistem Telekomunikasi di Negeri Johor Yang Ditawarkan oleh Telekom Malaysia Berhad sehingga 30 September 2008.	5-20
Jadual 6.1	Sumber Hasil Pendapatan (RM Juta) bagi Negeri Johor Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008.	6-2
Jadual 6.2	Komponen Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Mengurus (RM Juta) bagi Negeri Johor Sehingga September 2007 dan 2008.	6-4

Rajah 2.1	Minyak Mentah (Petroleum), Indeks Harga Bulanan	2-3
Rajah 2.2(a)	Indeks Harga Makanan	2-3
Rajah 2.2(b)	Indeks Harga Komoditi Makanan	2-3
Rajah 2.3	Index KLSE, 3 Januari 2007-3 November 2008	2-5
Rajah 2.4	US Dow Jones Index (DJIA), 3 Januari 2007-3 November 2008	2-5
Rajah 2.5	Jepun Nikkei 225 Index, 4 Januari-4 November 2008	2-6
Rajah 2.6	UK Financial Times Index (FTSE), 2 Januari 2007- 2 November 2008	2-6
Rajah 2.7	Indeks Harga Pengguna	2-8
Rajah 2.8	Taburan Penutupan Syarikat Mengikut Sektor di Negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	2-15
Rajah 2.9	Taburan Pemberhentian Pekerja mengikut Sektor Di Negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 Dan 2008	2-15
Rajah 2.10	Taburan Penduduk Negeri Johor mengikut Daerah bagi Tahun 2005 dan 2008	2-18
Rajah 2.11	Taburan Penduduk negeri Johor Mengikut Kumpulan Umur bagi Tahun 2005 dan 2008	2-18
Rajah 3.1	Perbandingan Kadar Pertumbuhan Tahunan Sektor Pertanian Negeri Johor dan Malaysia, 2004 – 2008	3-3

Rajah 3.2	Peratusan Keluasan Tanaman Utama di Negeri Johor bagi ST2 2008	3-5
Rajah 3.3	Purata Pengeluaran dan Harga Minyak Sawit Mentah (CPO) Bulanan di Johor, Januari 2007 – Oktober 2008 (RM/Tan Metrik)	3-8
Rajah 3.4	Peratusan Pengeluaran Daging Ternakan dan Telur Ayam/Itik di Negeri Johor Sehingga Suku Tahun Ketiga 2008	3-15
Rajah 3.5	Komposisi Jenis Hasil Pengeluaran Perikanan di Negeri Johor dalam Setengah Tahun Pertama 2008	3-16
Rajah 4.1	Pertumbuhan Indeks Pembuatan dan Indeks Elektrik dan Semua Bahagian Seluruh Malaysia	4-2
Rajah 4.2	Indeks Peningkatan atau Pengeluaran Industri Pembuatan Utama (Berasaskan Tahap Kegunaan Kuasa Elektrik) Negeri Johor 2008	4-5
Rajah 4.3	KadarPeningkatan atau Pengeluaran Bagi Industri Utama dalam Daerah Iskandar Malaysia	4-6
Rajah 4.4	Taburan Penutupan Kilang Pembuatan Mengikut Jenis di Negeri Johor Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	4-8
Rajah 4.5	Taburan Pemberhentian Pekerja Mengikut Jenis Kilang di negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	4-9
Rajah 4.6	Peratusan Pelaburan Tempatan dan Asing bagi Projek Perkilangan yang Diluluskan di negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	4-10

Rajah 4.7	Nilai Pelabuhan bagi Projek Perkilangan yang Diluluskan mengikut Jenis Industri di negeri Johor sehingga September 2008	4-12
Rajah 4.8	Nilai Pelabuhan Tempatan bagi Projek Perkilangan yang Diluluskan mengikut Jenis Industri di negeri Johor sehingga September 2008	4-13
Rajah 4.9	Jumlah Nilai Pelaburan Asing bagi Projek Perkilangan yang Diluluskan mengikut Jenis Industri di negeri Johor sehingga September 2008	4-14
Rajah 4.10	Peratusan Nilai Pelaburan Asing di negeri Johor mengikut Negeri Asal sehingga September 2008	5-15
Rajah 4.11	Bilangan projek yang Diluluskan di negeri Johor mengikut Lokasi sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-16
Rajah 4.12	Peratusan dan Nilai Pelaburan Projek yang Diluluskan di negeri Johor mengikut Lokasi sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	4-19
Rajah 4.13	Stok Kediaman Sedia Ada Mengikut Daerah Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008	4-22
Rajah 4.14	Stok Kediaman Akan Datang Mengikut Daerah Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008	4-22
Rajah 4.15	Stok Kediaman Yang Dirancang Mengikut Daerah Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008	4-22

Rajah 4.16	Penawaran Pejabat binaan khas Sedia Ada Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008	4-36
Rajah 4.17	Penawaran Kompleks Perniagaan Sedia Ada Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008	4-36
Rajah 4.18	Penawaran Unit Kedai Sedia Ada Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008	4-36
Rajah 4.19	Penawaran Unit Industri Sedia Ada Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008	4-37
Rajah 5.1	Indeks Keseluruhan Harga Makanan di Bandar-bandar Terpilih sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-3
Rajah 5.2	Indeks Harga Makanan di Rumah mengikut Jenis di Johor Bahru sehingga September bagi Tahun Pertama 2007 dan 2008.	5-4
Rajah 5.3	Indeks Harga Makanan di Rumah mengikut Jenis di Muar sehingga September bagi Tahun Pertama 2007 dan 2008	5-4
Rajah 5.4	Indeks Harga Makanan di Rumah mengikut Jenis di Mersing sepanjang Setengah Tahun Pertama 2007 dan 2008	5-5
Rajah 5.5	Indeks Harga Makanan di Rumah mengikut Jenis di Kuala Lumpur sepanjang Setengah Tahun Pertama 2007 dan 2008.	5-5
Rajah 5.6	Perbezaan Indeks Keseluruhan Harga Makanan di Bandar-bandar Terpilih berbanding Kuala	

	Lumpur, Setengah Tahun Pertama 2007 dan 2008.	5-6
Rajah 5.7	Kemasukan Warga Asing ke Malaysia melalui negeri Johor Sehingga September 2007 & 2008.	5-7
Rajah 5.8	Kemasukan Warga Asing ke Negeri Johor mengikut Negara Asal sehingga September 2007 dan 2008	5-8
Rajah 5.9	Kemasukan Warga Asing ke Negeri Johor mengikut Pintu Masuk Utama sehingga September 2007 dan 2008	5-10
Rajah 5.10	Pergerakan Penumpang Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sehingga September 2007 dan 2008	5-11
Rajah 5.11	Bilangan Penerbangan Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sehingga September 2007 dan 2008.	5-12
Rajah 5.12	Jumlah Pengendalian Kargo Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008.	5-14
Rajah 5.13	Jumlah Pengendalian Kargo dalam TEU's di Pelabuhan Utama Johor Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-16
Rajah 5.14	Pengangkutan Barangan melalui KTMB di Negeri Johor Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008	5-17
Rajah 5.15	Unit Jualan KWJ (juta) mengikut Jenis Pengguna di Negeri Johor sehingga September 2007 dan 2008	5-18

Rajah 5.16	Jumlah Penggunaan Air (JLH) mengikut Kategori di negeri Johor sehingga September 2007 dan 2008	5-19
Rajah 6.1 (a)	Sumber-Sumber Hasil Pendapatan Negeri Johor Sehingga September 2007	6-3
Rajah 6.1 (b)	Sumber-Sumber Hasil Pendapatan Negeri Johor Sehingga September 2008	6-3
Rajah 6.2	Komponen Perbelanjaan Pembangunan dan Mengurus bagi Negeri Johor Sehingga September 2007 dan 2008	6-4

SKOP LAPORAN

Laporan Ekonomi untuk tahun 2008 meliputi prestasi ekonomi negeri Johor bagi suku tahun pertama hingga suku tahun ketiga. Unjuran untuk suku tahun keempat dan untuk tahun 2009 juga dikemukakan.

Perkembangan bagi setiap sektor utama juga dikemukakan. Tetapi, oleh kerana data untuk beberapa sektor belum dimuktamadkan, maka data untuk sektor-sektor berkenaan harus dianggap sebagai sementara. Oleh yang demikian, anggaran keseluruhan KDNK untuk negeri Johor yang diterbitkan dalam laporan ini harus dianggap sebagai sementara dan akan disemak semula apabila data yang lebih lengkap, terkini dan muktamad dapat dikumpul.

RINGKASAN PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR DALAM TAHUN 2008

Dalam tahun 2008, ekonomi Malaysia dan ekonomi negeri Johor telah dibawa oleh arus ekonomi dunia yang tidak dapat dikawal olehnya sendiri.

Dalam setengah tahun pertama, dua faktor utama telah mempengaruhi aliran perkembangan ekonomi dunia. Pertama, keruntuhan pasaran gadaian 'sub prime' di Amerika Syarikat dan masalah kewangan yang mula merebak daripada Amerika Syarikat ke seluruh dunia. Kedua, peningkatan harga minyak petrol, harga komoditi lain serta harga makanan.

Dalam suku tahun pertama, ekonomi Amerika Syarikat masih dapat terus berkembang didorong oleh peningkatan perbelanjaan domestik dalam sektor yang tidak berkait dengan perumahan dan peningkatan eksport. Ekonomi dunia juga turut berkembang, terutamanya negara-negara yang mana sistem kewangan mereka tidak mempunyai kaitan rapat dengan sistem kewangan Amerika.

Ekonomi Malaysia dan ekonomi negeri Johor turut berkembang dengan kadar yang memuaskan. Dalam setengah tahun pertama, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 6.7 peratus dan ekonomi Johor berkembang pada kadar 7.5 peratus.

Tetapi, mulai bulan Julai dan Ogos, kesan krisis 'sub-prime' Amerika sudah merebak dan masalah kewangan di Amerika Syarikat sudah mulai menjadi satu krisis yang besar. Kesan negatif krisis ini ke atas ekonomi Amerika Syarikat mulai ketara. Pada suku tahun ketiga, kadar peningkatan ekonomi menjadi negatif. Begitu juga jangkaan untuk suku tahun keempat. Ekonomi Amerika Syarikat dianggap sudah terjerumus ke dalam keadaan

recessi. Krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi Amerika merebak kepada negara-negara lain yang mempunyai sistem kewangan dan ekonomi yang berhubung rapat dengan sistem kewangan dan ekonomi Amerika Syarikat. Negara-negara yang turut terjerumus dalam keadaan recessi termasuklah Singapura, Hong Kong, Jepun, Jerman, Itali, Sepanyol dan lain-lain.

Kelemahan ekonomi global telah mengurangkan permintaan minyak petrol dan telah membawa kepada kejatuhan harga minyak daripada paras yang tertinggi pada bulan Julai kepada tahap yang lebih rendah daripada tahap pada permulaan tahun 2007. Faktor ini juga membawa kepada kejatuhan harga makanan. Dalam masa yang sama, keadaan cuaca yang baik telah membawa kepada peningkatan pengeluaran bijirin seperti gandum dan beras serta kejatuhan harga.

Sistem kewangan Malaysia terus berada dalam keadaan yang agak kukuh, tetapi sudah jelas dalam suku tahun ketiga, ekonomi Malaysia mulai merasai kesan negatif akibat kelemahan ekonomi di negara-negara besar di dunia yang merupakan pasaran eksportnya. Kadar pertumbuhan sektor pembuatan mulai merosot. Pada bulan September, mengikut Indeks Pengeluaran Industri Malaysia, sektor pembuatan mengalami kejatuhan pengeluaran sebanyak (-0.8 peratus).

Kadar pertumbuhan sektor pembuatan negeri Johor mengalami kemerosotan dalam suku tahun ketiga. Kadar perkembangan sektor pembuatan jatuh daripada 9.11 peratus dalam setengah tahun pertama kepada hanya 2.41 peratus dalam suku tahun ketiga. Seperti ekonomi Malaysia keseluruhannya, kelemahan ini dijangka akan berterusan ke suku tahun keempat dan pada seluruh tahun 2009.

Selain daripada sektor pembuatan, nampaknya sektor perkhidmatan juga mulai menjadi lemah. Bagi negeri Johor, punca utama adalah kejatuhan bilangan pelancong dari Singapura, terutama mereka yang datang hanya untuk beberapa jam sahaja untuk membeli-belah barang keperluan dan bersuka ria. Kejatuhan bilangan pelancong seperti ini telah menjejaskan prestasi industri peruncitan dan restoran di Johor, terutamanya di Johor Bahru. Tetapi, sektor logistik masih menunjukkan prestasi yang baik di sepanjang tahun, termasuk suku tahun ketiga.

Bagi sektor pertanian, pengeluaran kelapa sawit sudah mengalami kemerosotan pengeluaran sebanyak 3.13 peratus dalam suku tahun ketiga 2008 (berbanding dengan suku tahun ketiga 2007) disebabkan oleh permintaan dan harga yang lemah dan penawaran yang berlebihan yang mengakibatkan stok yang terlalu tinggi. Sungguhpun begitu, peningkatan pengeluaran dan harga yang besar dalam suku tahun pertama dan kedua masih dapat mengatasi kejatuhan yang dialami dalam suku tahun ketiga. Selain daripada industri kelapa sawit dan getah, industri lain seperti penternakan dan perikanan terus mencapai tahap perkembangan yang baik dalam suku tahun ketiga dan mungkin juga dalam suku tahun keempat.

Pada keseluruhannya, ekonomi negeri Johor masih dapat mencapai kadar pertumbuhan yang baik dengan KDNK (nilai tetap) dalam sembilan bulan pertama tahun ini, sekitar 6.0 peratus. Untuk seluruh tahun 2008, peningkatan KDNK dijangka mencapai 5.2 peratus.

Tetapi, bagi tahun 2009, kadar pertumbuhan dijangka akan terus merosot ke kadar hanya di antara 3 - 4 peratus. Ini pun jika tindakan kerajaan persekutuan seperti "pakej peransang" ekonomi sebanyak RM7 billion serta lain-lain tindakan membawa kesan yang bermakna kepada Johor.

Bagi negeri Johor, tindakan meransangkan ekonomi dalam jangka pendek dan panjang harus diambil.

Bagi jangka pendek, usaha meningkatkan pelaksanaan projek-projek yang sudah diluluskan adalah sangat penting, terutamanya projek-projek besar dalam kawasan Iskandar Malaysia.

Bagi jangka panjang, projek-projek yang menekankan peningkatan produktiviti sektor makanan, membasmikan kemiskinan, meningkatkan pelaburan asing daripada negara-negara seperti China, India dan Timur Tengah serta membuka pasaran eksport baru, termasuk di negara-negara tersebut yang dijangka akan terus berkembang dengan kadar yang baik perlu disegerakan.

PERSPEKTIF GLOBAL

Peningkatan Ekonomi Dan Peningkatan Harga Dalam Setengah Tahun Pertama 2008

Dalam setengah tahun pertama 2008, ekonomi dunia keseluruhannya mencapai kadar pertumbuhan yang positif. Tetapi selain daripada Amerika Syarikat, semua ekonomi negara maju seperti Jepun, United Kingdom dan negara-negara Eropah (dalam zon Euro) mencapai kadar pertumbuhan yang lebih rendah berbanding dengan kadar yang dicapai pada tahun 2007 (Jadual 2.1).

Jadual 2.1
Peratus Kadar Peningkatan KDNK Bagi Negara-Negara Pilihan dan Juga Negara-Negara Asean


Negara Maju	2007				2008	
	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2
Amerika Syarikat	1.3	1.8	2.8	2.3	2.5	2.2
Jepun	3.2	1.8	1.7	1.6	1.2	1.0
UK	4.5	3.0	2.5	2.3	2.3	n.a
Eropah	3.2	2.6	2.7	2.2	2.1	1.5
Negara Asean						
Singapura	7.0	9.1	9.5	5.4	6.7	2.1
Thailand	4.2	4.3	4.8	5.7	6.1	5.3
Filipina	7.1	7.5	6.6	7.4	5.2	4.6
Indonesia	6	6.3	6.5	6.3	6.3	6.4
Malaysia	5.5	5.7	6.7	7.3	7.1	6.3

Sumber: International Monetary Fund (IMF)

Peningkatan Harga

Ekonomi dunia telah digoncang teruk oleh peningkatan harga minyak petrol serta lain-lain komoditi dan makanan dalam setengah tahun pertama tahun 2008 (Rajah 2.1a) Di antara bulan Januari hingga Julai tahun ini, harga petroleum meningkat dari lebih kurang US\$80 setong kepada lebih daripada US\$140 setong.


Rajah 2.1
Minyak Mentah (Petroleum), Indeks Harga Bulanan



Sumber: International Monetary Fund (IMF)


Peningkatan harga minyak telah membawa kepada peningkatan kos pengeluaran komoditi lain termasuk makanan (Rajah 2.2(a) dan 2.2(b)). Selain daripada peningkatan harga minyak, beberapa faktor jangka pendek lain juga mempengaruhi peningkatan harga makanan. Ini termasuklah pengeluaran bijirin yang merosot akibat cuaca buruk (terutamanya gandum di Australia) dan penyekatan eksport beras dari beberapa negara pengeluar utama.

Rajah 2.2(a)
Indeks Harga Makanan



Sumber: www.fao.org

Rajah 2.2 (b)
Indeks Harga Komoditi Makanan



Sumber: www.fao.org

Faktor-faktor jangka panjang juga mempengaruhi peningkatan harga makanan. Faktor-faktor ini termasuklah peningkatan pendapatan dan penggunaan di negara membangun besar seperti China dan India, peningkatan peralihan penggunaan bijirin, terutamanya jagung kepada pengeluaran 'biofuel' iaitu ethanol yang mengakibatkan peningkatan kos

makanan ternak. Dalam setengah tahun pertama tahun 2008, harga bijirin (termasuk beras) telah meningkat sebanyak lebih kurang 150 peratus.

Dalam masa yang sama, harga kelapa sawit terus meningkat. Harga kemuncak yang dicapai adalah lebih kurang RM3,600 bagi satu tan metrik minyak sawit mentah (CPO) daripada hanya RM933.50 pada bulan Januari 2007.

Sungguhpun faktor-faktor negatif seperti krisis gadaia 'sub prime', serta peningkatan harga minyak petrol dan harga makanan telah membawa kesan negatif kepada prestasi ekonomi di Amerika Syarikat dan ekonomi negara barat yang lain, pertumbuhan positif masih dicapai oleh kerana perbelanjaan pengguna dan eksport masih terus meningkat. Tetapi kesan kelemahan perbelanjaan pengguna, kelemahan sektor perumahan dan eksport serta masalah dalam sistem kewangan sudah mulai ketara dan faktor-faktor ini sudah mulai melemahkan ekonomi-ekonomi negara maju di barat dan juga di Asia terutamanya negara Jepun.

Suku Tahun Ketiga dan Keempat

Dalam suku tahun ketiga, kesan negatif keruntuhan pasaran gadaia 'sub prime' di Amerika Syarikat sudah menjadi lebih ketara. Kelemahan sistem kewangan sudah mencapai tahap 'krisis'. Beberapa institusi kewangan yang besar termasuk Lehman Brothers, AIG Insurance dan lain-lain mengalami krisis kewangan dan terpaksa diselamatkan oleh kerajaan Amerika melalui 'pakej perangsang' sebanyak US\$700 billion.


Krisis ini telah merebak ke seluruh dunia, terutamanya ke negara-negara barat yang mempunyai satu sistem kewangan yang berhubungan rapat dengan sistem kewangan Amerika Syarikat.

Kesan buruk krisis kewangan ke atas pengeluaran barang-barang serta perkhidmatan dan akhirnya ke atas pendapatan dan perbelanjaan dan pekerjaan sudah semakin ketara. Pada bulan Oktober, kadar pengangguran di Amerika Syarikat sudah mencecah 6.5 peratus dan ekonomi Amerika Syarikat dianggap sudahpun terjerumus ke dalam keadaan "resesi", yakni kemerosotan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sekurang-kurangnya dalam tempoh dua suku tahun berturut-turut. Kadar pertumbuhan KDNK pada suku tahun ketiga merosot kepada -0.3 peratus. Pada suku tahun keempat, kadar pertumbuhan diramal akan merosot lagi kepada -3.45 peratus. Ini bermakna, ekonomi Amerika Syarikat sudah dalam keadaan resesi.


Negara-negara yang mempunyai hubungan ekonomi yang erat dengan ekonomi Amerika Syarikat, seperti Jerman, Itali, Jepun dan Singapura sudahpun menerima tamparan hebat dari kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat dan sudah mengalami pertumbuhan peningkatan KDNK negatif dalam suku tahun kedua dan ketiga. Setakat ini, di antara ekonomi negara-negara yang sudah dalam keadaan resesi selain daripada Amerika

Syarikat termasuklah Jerman, Itali, Sepanyol, Jepun, Hong Kong dan Singapura. Harga saham hampir di semua negara turut menjunam (Rajah 2.3-2.6).


Rajah 2.3
Index KLSE, 3 Januari 2007-3 November 2008




Rajah 2.4
US Dow Jones Index (DJIA), 3 Januari 2007 – 3 November 2008



Rajah 2.5
 Jepun Nikkei 225 Index, 4 Januari 2007 – 4 November 2008



Rajah 2.6
 UK Financial Times Index (FTSE), 2 Januari 2007-2 November 2008



Sungguhpun ekonomi negara-negara sedang membangun di Asia seperti China, India, dan negara-negara Asean, selain daripada Singapura, setakat ini tidak mengalami resesi, kadar pertumbuhan sudah mulai merosot. Ini adalah kerana, proses globalisasi sudahpun menyebabkan ekonomi dunia keseluruhannya menjadi lebih saling berkait.

Adalah diramalkan, dalam tahun 2009, keadaan ekonomi dunia akan menjadi lebih buruk dan keadaan resesi akan merebak ke lebih banyak negara.

Kejatuhan Harga

Mulai bulan Julai hingga November, harga petrol sudah merosot dengan banyak hingga kepada US\$57 setong. Harga beras jatuh sebanyak 28 peratus di antara bulan Mei hingga Oktober. Harga minyak kelapa sawit merosot sebanyak 60 peratus di antara bulan Jun hingga bulan November.

Bagi minyak petrol, faktor utama kejatuhan harga adalah permintaan yang merosot akibat kelemahan ekonomi dunia. Bagi kelapa sawit, kelemahan permintaan digabung dengan peningkatan stok yang sedia ada pada bulan November sudah melimpah kapasiti simpanan di negara pengeluar utama iaitu Malaysia dan Indonesia. Bagi gandum dan beras, peningkatan pengeluaran akibat cuaca yang lebih baik adalah faktor utama harga mulai jatuh pada bulan Julai.

Pakej Perangsang


Untuk menentang arus kelemahan dan kemelesetan, kebanyakan negara di dunia sudahpun melaksanakan 'pakej perangsang' atau 'stimulus package' yang merupakan peningkatan perbelanjaan oleh kerajaan. Tetapi tujuan dan kegunaan 'pakej perangsang' ini berbeza di antara negara-negara.

Di Amerika Syarikat, kebanyakan daripada pakej US\$700 billion bertujuan untuk digunakan bagi menyelamatkan institusi kewangan dari bankrap dengan mengukuhkan modal mereka. Di negara China, pakej perangsang sebanyak US\$586 billion akan digunakan dalam beberapa projek pembangunan yang dapat menjana impak yang kuat dalam seluruh ekonomi melalui peningkatan pelaburan dan perbelanjaan pengguna.

EKONOMI MALAYSIA

Dalam setengah tahun pertama (Januari-Julai), ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 6.7 peratus, (7.1 peratus dalam suku tahun pertama dan 6.3 peratus dalam suku tahun kedua) sungguhpun kadar inflasi meningkat dengan ketara akibat peningkatan harga minyak dan harga makanan. Harga makanan keseluruhannya meningkat sebanyak 11.3 peratus di antara Januari 2007 dan September 2008. Harga beras, roti dan produk bijirin meningkat lebih daripada 26 peratus (Rajah 2.7).

Rajah 2.7
Indeks Harga Pengguna



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berikutan kejatuhan harga petrol dan harga makanan di pasaran dunia selepas bulan Julai, harga barangan tersebut mulai jatuh di pasaran Malaysia mulai bulan Ogos atau September dan dijangka akan terus jatuh dalam suku tahun keempat.

Sungguhpun sistem kewangan Malaysia dianggap kukuh dan bank-banknya tidak terlalu terdedah kepada krisis kewangan yang berlaku di Amerika Syarikat dan negara-negara barat, jelas sebagai sebuah ekonomi yang 'terbuka', yakni bergantung kuat kepada pasaran eksportnya termasuk pasaran Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, China dan lain-lain, ekonomi Malaysia juga sedang dan akan terus tertekan oleh trend yang lemah dalam seluruh ekonomi dunia.

Dalam suku tahun ketiga dan keempat tahun ini, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka merosot berbanding dengan kadar yang dicapai dalam setengah tahun pertama. Dalam suku tahun ketiga, kadar pertumbuhan dijangka akan menurun ke tahap di antara 5.0 hingga 5.5 peratus. Bagi suku tahun keempat, kadar pertumbuhan dijanjikan akan merosot lagi kepada 4.0 hingga 5.0 peratus. Ini bermakna, bagi seluruh tahun 2008, ekonomi Malaysia mungkin berkembang pada kadar di antara 5.0 hingga 6.0 peratus.

Pakej Perangsang Malaysia

Untuk menentang arus kelemahan ekonomi, sebanyak RM7.0 billion telah diperuntukkan untuk merangsangkan sektor pembinaan, industri kecil dan sederhana, melaksanakan projek-projek membasmikan kemiskinan serta meningkatkan tahap perbelanjaan pengguna.

Selain daripada perbelanjaan kerajaan sebanyak RM7.0 billion, kerajaan juga membenarkan sumbangan KWSP oleh pekerja dikurangkan dari 11 peratus ke 8 peratus. Ini akan meningkatkan lagi jumlah pakej perangsang sebanyak di antara RM3 billion hingga RM5 billion, tertakluk kepada bilangan penyumbang yang memilih untuk mengurangkan sumbangan KWSP mereka. Untuk membantu sektor pembinaan, kerajaan persekutuan juga menghapuskan cukai import ke atas simen dan keluaran besi keluli panjang (*long iron and steel products*) untuk industri pembinaan.

Jumlah dan kandungan pakej ini mungkin ditambah di masa hadapan jika dianggap perlu untuk menentang arus kemelesetan ekonomi.

Defisit bajet kerajaan Malaysia dijangka akan meningkat kepada 4.8 peratus dalam tahun 2009 daripada 3.6 peratus pada tahun 2008.

Selain daripada tindakan untuk mempertahankan pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka masa pendek (1-3 tahun), kerajaan Malaysia juga telah menyusun beberapa strategi untuk memperkukuhkan ekonomi Malaysia dalam jangka masa yang lebih panjang. Strategi-strategi ini termasuklah:

- Menarik lebih banyak pelaburan dari negara-negara seperti Timur Tengah, China, India dan Rusia.
- Meningkatkan pelaburan dalam sektor perkhidmatan termasuk pelaburan dari luar negara. Sektor-sektor yang diutamakan termasuklah pelancongan, kesihatan, pelancongan kesihatan, perkhidmatan undang-undang, logistik dan lain-lain.
- Meningkatkan pelaburan dalam sektor pertanian, terutamanya meningkatkan produktiviti sektor pengeluaran dan memproses bahan makanan (sila Lihat Bab 3).

Memandangkan kepada usaha yang sedang dan akan diambil untuk merangsangkan kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara seperti China, Taiwan, Jepun dan juga negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat, serta usaha Malaysia sendiri, adalah dijangka bahawa ekonomi Malaysia akan dapat terus mencapai kadar pertumbuhan yang positif (3.5 peratus) dalam keseluruhan tahun 2009.

Trend Harga Jangka Panjang

Sungguhpun harga minyak petroleum dan harga makanan di pasaran dunia telah jatuh dari tahap tertinggi dalam sejarah selepas pertengahan tahun ini akibat kelemahan-kelemahan ekonomi dunia dan juga akibat peningkatan penawaran (bagi bijirin seperti beras dan gandum), kejatuhan ini adalah fenomena sementara dan bertentangan dengan trend global jangka panjang.

Faktor-faktor asas yang mempengaruhi kenaikan harga minyak dan harga makanan masih wujud dan akan berterusan. Trend peningkatan permintaan dari negara-negara besar sedang membangun terutamanya China dan India, peningkatan peralihan penggunaan bijirin seperti jagung daripada makanan ternak kepada pengeluaran biofuel (ethanol) yang membawa kepada peningkatan kos makanan ternak, peningkatan kos mencari dan mengeluarkan minyak petrol, akan berterusan dan akan membawa kepada peningkatan harga minyak dan makanan selepas ekonomi dunia pulih daripada gejala kemelesetan.

Tetapi bukan semuanya membawa kesan negatif. Kejatuhan harga minyak sawit telah membawa kesan positif ke atas industri hiliran seperti minyak masak dan biodisel. Kejatuhan harga minyak petroleum, harga makanan, kos bahan binaan dan kos buruh boleh membawa kesan positif pada pengguna.

Perkembangan Ekonomi Negeri Johor

Dalam setengah tahun pertama, ekonomi negeri Johor pada keseluruhannya berkembang pada kadar 7.5 peratus. Semua sektor menunjukkan prestasi yang baik dari segi peningkatan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) (Jadual 2.2).

Jadual 2.2
Peningkatan KDNK-Johor dan Malaysia 2008 (Peratus)

Sektor	2008					Seluruh Tahun
	ST1	ST2	ST3	ST4		
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	Malaysia	6.30	0.06	-	-	-
	Johor	20.00	15.00	3.00	3.00	10.25
Bahan Batuan dan Galian	Malaysia	3.70	-0.50	-	-	-
	Johor	7.00	7.00	5.00	4.00	5.75
Pembuatan	Malaysia	7.00	5.60	-	-	-
	Johor	11.82	6.75	2.40	2.00	5.60
Pembinaan	Malaysia	5.30	3.90	-	-	-
	Johor	4.50	4.00	3.50	4.00	4.00
Perkhidmatan	Malaysia	7.90	7.60	-	-	-
	Johor	5.50	5.00	4.00	3.00	4.40
Peningkatan KDNK Negeri Johor (Harga Tetap)		7.5		3.2	3.1	5.21

Note: ST- Suku Tahun

Sektor pertanian telah meningkat dengan kadar 17.5 peratus didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak kelapa sawit yang telah didorong oleh peningkatan harga yang pesat. Industri lain seperti tanaman jangka pendek, penternakan dan perikanan juga meningkat.

Sektor pembuatan mencapai kadar pertumbuhan yang baik (9.3 peratus) didorong oleh peningkatan penggunaan dalam negeri dan juga eksport (sila Lihat Bab 4).

Aktiviti dalam sektor perkhidmatan terutamanya, logistik dan utiliti terus berkembang, tetapi sektor peruncitan nampaknya merosot. Ini disebabkan oleh kemerosotan jumlah penduduk Singapura yang datang membeli-belah di Johor Bahru (sila Lihat Bab 5).

Tetapi, pada suku tahun ketiga, gambaran ini sudah mulai berubah dengan ketara. Kadar pertumbuhan ekonomi negeri Johor sungguhpun masih positif telah merosot ke kadar 3.2 peratus. Kemerosotan ini berlaku terutamanya pada sektor pertanian dan pembuatan. Bagi sektor pertanian adalah dianggarkan kadar pertumbuhan dalam suku tahun ketiga merosot kepada 3.0 peratus. Sebab utama adalah kemerosotan kadar peningkatan minyak kelapa sawit, getah dan kayu.

Bagi sektor pembuatan, kadar pertumbuhan dalam suku tahun ketiga (year-on-year) jatuh ke tahap 2.4 peratus daripada 6.75 peratus dalam suku tahun kedua dan 11.82 peratus dalam suku tahun pertama.

Bagi suku tahun keempat, kadar pertumbuhan dijangka akan menurun lagi terutama bagi sektor pembuatan yang banyak bergantung kepada pasaran eksport. Sektor perkhidmatan termasuk sektor logistik (terutamanya perkhidmatan pelaburan), utiliti, pelancongan dan juga runcit mungkin akan terjejas. Sektor runcit akan menjadi lemah jika bilangan pelancong dari Singapura terus berkurangan.

Kejatuhan harga komoditi terutamanya kelapa sawit akan membawa kesan negatif kepada ramai rakyat di negeri Johor terutamanya penduduk luar bandar. Kejatuhan pendapatan dan perbelanjaan golongan ini akan membawa kesan ke atas perbelanjaan dan pendapatan di seluruh negeri Johor, terutama sekali di kawasan luar bandar.

Beberapa faktor mungkin akan terus mempengaruhi ekonomi negeri Johor secara negatif dalam suku tahun keempat. Faktor-faktor ini ialah kejatuhan harga kelapa sawit yang akan mempengaruhi ekonomi negeri Johor lebih daripada kebanyakan negeri-negeri lain yang kurang bergantung kepada industri ini. Kejatuhan permintaan ke atas pengeluaran industri barang perkayuan terutamanya perabot, industri tekstil dan pakaian serta industri elektronik yang bergantung kuat kepada pasaran Amerika Syarikat dan Eropah dijangka akan berterusan. Hubungan rapat di antara ekonomi negeri Johor dan Singapura yang sudah mengalami kemelesetan, juga akan membawa kesan negatif ke atas ekonomi negeri Johor. Singapura merupakan pasaran penting bagi banyak industri di Johor termasuklah barangan elektronik, plastik, getah, kayu, makanan dan pelancongan.

Oleh yang demikian, negeri Johor keseluruhannya mungkin mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 5.21 peratus dalam tahun 2008 (Jadual 2.3) dan kadar yang lebih rendah (3-4 peratus) dalam tahun 2009.

Satu strategi yang harus dilaksanakan untuk merangsang ekonomi negeri Johor ialah mempercepatkan pembangunan di Iskandar Malaysia. Projek-projek pembinaan dan perkilangan yang sudah dilulus di Iskandar Malaysia perlu dilaksanakan dengan segera mulai tahun 2009. Ini juga satu strategi yang baik dari segi kos pelaksanaan memandangkan kepada kejatuhan harga bahan binaan dan juga penawaran buruh yang mungkin akan meningkat akibat kemelesetan di Singapura.

Bagi jangka masa yang lebih panjang, strategi kerajaan persekutuan yang bertujuan untuk menarik lebih banyak pelabur dari negara-negara seperti China, India dan Timur Tengah dapat mengukuhkan lagi sektor perkhidmatan dan perkilangan. Ini akan meningkatkan pasaran eksport ke negara-negara tersebut dan adalah sangat penting bagi negeri Johor untuk turut sama melaksanakan strategi ini.

Di negeri Johor, program-program kerajaan untuk meningkatkan lagi prestasi industri makanan terutamanya dalam meningkatkan produktiviti dengan penggunaan teknologi tinggi dan kaedah pengurusan yang lebih cekap serta untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin harus dipertingkatkan lagi.

Jadual 2.3

Prestasi KDNK Negeri Johor dan Kadar Pertumbuhan KDNK Tahunan (Berasaskan Harga Tetap 2000), 2005-2008

Sektor	2005		2006 (Q1-Q3)		2006		2007		2008	
	Juta	Sumbangan	Juta	Sumbangan	Juta	Sumbangan	Juta	Sumbangan	RM '000	Sumbangan
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	4,863.2	9.7%	5,252.2	9.9%	5,535.8	9.8%	4,760.8	7.9%	5,248.8	8.3%
<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan</i>	7.6%		1.60%		4.50%		-14.00%		10.25%	
Bahan Batuan dan Galian	129.8	0.3%	117.6	0.2%	105.88	0.2%	96.35	0.2%	101.89	0.2%
<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan</i>	22.9%		-9.40%		-9.98%		-9.00%		5.75%	
Pembuatan	20,411.1	40.9%	21,431.7	40.4%	22,717.6	40.3%	24,875.8	41.5%	26,268.8	41.7%
<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan</i>	4.8%		5.00%		6.00%		9.50%		5.60%	
Pembinaan	1,362.3	2.7%	1,348.7	2.5%	1,335.2	2.4%	1,348.5	2.3%	1,402.5	2.2%
<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan</i>	-0.3%		-1.00%		-1.00%		1.00%		4.00%	
Perkhidmatan	23,114.4	46.3%	24,963.5	47.0%	26,710.9	47.4%	28,847.8	48.1%	30,030.6	47.6%
<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan</i>	5.1%		8.00%		7.00%		8.00%		4.10%	
Jumlah KDNK Johor	49,880.8	100.0%	53,113.7	100.0%	56,405.4	100.0%	59,929.3	100.0%	63,052.6	100.0%
<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan</i>	5.1%		5.9%		6.1%		6.25%		5.21%	

Sumber: Laporan Ekonomi Negeri Johor, UPEN Johor

LAIN-LAIN PETUNJUK PRESTASI EKONOMI NEGERI JOHOR

PENUTUPAN SYARIKAT

Jumlah penutupan syarikat dalam tempoh sembilan bulan pertama 2008 sepertimana yang dilaporkan oleh Jabatan Tenaga Kerja negeri Johor adalah sebanyak 18 buah syarikat. Ianya adalah lebih rendah berbanding sejumlah 74 buah syarikat yang dilaporkan menutup operasi mereka dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Daripada 18 buah syarikat yang ditutup pada tempoh ini, 11 syarikat adalah dari sektor pembuatan manakala selebihnya adalah dari sektor tertiar. Tiada penutupan syarikat sektor primer dan sektor pembinaan yang dilaporkan sehingga September tahun ini. Perbandingan dengan tempoh yang sama tahun lepas mendapati, daripada 74 buah syarikat yang mengalami penutupan syarikat di negeri Johor, 46 syarikat adalah daripada sektor pembuatan, 22 syarikat adalah daripada sektor tertiar, 4 syarikat daripada sektor primer dan selebihnya, 2 syarikat adalah dari sektor pembinaan (Jadual 2.4 dan Rajah 2.8).


Jadual 2.4

Jumlah Penutupan Syarikat mengikut Sektor di negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008

Sektor	Tahun 2007				Tahun 2008			
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3
Sektor Primer	1	2	1	4	-	-	-	-
Pertanian dan lain-lain	-	2	1	3	-	-	-	-
Perombongan dan kuari	1	-	-	1	-	-	-	-
Sektor Pembuatan	20	10	16	46	4	5	-	11
Pembuatan Elektronik	13	2	4	19	-	5	-	5
Pembuatan Makanan dan Minuman	-	-	-	-	-	-	-	-
Pembuatan Tekstil dan Pakaian	-	1	1	2	-	-	-	-
Pembuatan Perabot dan Kelengkapan Perabot	-	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain Pembuatan	7	7	11	25	4	-	2	6
Sektor Pembinaan	-	2	-	2	-	-	-	-
Sektor Tertiar	9	7	6	22	4	2	1	7
Elektrik, gas dan air	-	-	-	-	1	-	-	1
Perniagaan borong dan runcit	3	-	1	4	-	-	-	-
Restoran dan hotel	1	2	-	3	-	-	-	-
Perkhidmatan Pengangkutan	-	2	1	3	-	-	-	-
Perkhidmatan Kewangan, hartanah	-	1	-	1	-	-	-	-
Perkhidmatan Masyarakat	-	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain Perkhidmatan	5	2	4	11	3	2	1	6
Jumlah	30	21	23	74	8	7	1	18

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor

Rajah 2.8
 Taburan Penutupan Syarikat mengikut Sektor di Negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008




PEMBERHENTIAN PEKERJA

Selari dengan jumlah penutupan syarikat yang lebih rendah pada tempoh tiga suku tahun pertama 2008, jumlah pemberhentian pekerja juga menunjukkan penurunan iaitu kepada sejumlah 1,516 orang pekerja. Pemberhentian pekerja pada tempoh yang sama tahun lepas adalah lebih tinggi iaitu seramai 2,568 orang pekerja.

Daripada jumlah keseluruhan pekerja yang diberhentikan pada tempoh ini, majoriti iaitu 1,477 pekerja adalah dari sektor pembuatan, diikuti oleh pekerja dari sektor tertiar iaitu seramai 38 orang dan selebihnya iaitu seorang pekerja sektor pembinaan. Bagi taburan pemberhentian pekerja pada tempoh yang sama tahun lepas, majoriti iaitu 2,180 pekerja juga daripada sektor pembuatan, diikuti oleh sektor tertiar seramai 225 pekerja, 152 pekerja daripada sektor primer dan akhir sekali daripada sektor pembinaan seramai 11 orang (Rajah 2.9 dan Jadual 2.5).

Rajah 2.9
 Taburan Pemberhentian Pekerja mengikut Sektor di Negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008



Jadual 2.5

Jumlah Pemberhentian Pekerja mengikut Sektor di negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008

Sektor	Tahun 2007				Tahun 2008			
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3
<i>Sektor Primer</i>	2	73	77	152	-	-	-	-
Pertanian dan lain-lain	-	73	77	150	-	-	-	-
Perombongan dan kuari	2	-	-	2	-	-	-	-
<i>Sektor Pembuatan</i>	438	1,092	650	2,180	644	826	7	1,477
Pembuatan Elektronik	294	568	501	1,363	6	826	-	832
Pembuatan Makanan dan Minuman	-	-	-	-	-	-	-	-
Pembuatan Tekstil dan Pakaian	-	135	10	145	74	-	-	74
Pembuatan Perabot dan Kelengkapan Perabot	-	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain Pembuatan	144	389	139	672	564	-	7	571
<i>Sektor Pembinaan</i>	-	11	-	11	-	-	1	1
<i>Sektor Tertiar</i>	71	60	94	225	24	11	3	38
Elektrik, gas dan air	-	-	-	-	15	5	-	20
Perniagaan borong dan runcit	40	24	60	124	-	-	-	-
Restoran dan hotel	1	-	-	1	-	-	-	-
Perkhidmatan Pengangkutan	-	11	13	24	-	-	-	-
Perkhidmatan Kewangan, hartanah	-	5	-	5	-	-	-	-
Perkhidmatan Masyarakat	-	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain Perkhidmatan	30	20	21	71	9	6	3	18
Jumlah	511	1,236	821	2,568	668	837	11	1,516

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor

PENDUDUK

Jumlah keseluruhan penduduk di negeri Johor pada tahun 2008 dianggarkan mencecah seramai 3,317,381 orang. Kadar pertumbuhan penduduk sebanyak 2.4 peratus (1991-2000) adalah berasaskan kadar pertumbuhan daripada Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2000 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia .

Daerah Johor Bahru selaku ibu negeri Johor dianggarkan mempunyai penduduk tertinggi iaitu seramai 1,584,932 orang penduduk dengan kadar peningkatan tertinggi iaitu 4.0 peratus. Daerah Batu Pahat merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk kedua tertinggi iaitu 383,483 orang dengan kadar peningkatan sebanyak 1.0 peratus. Jumlah penduduk ketiga tertinggi pula adalah di daerah Muar dengan anggaran 374,026 orang penduduk dengan peningkatan pada kadar 0.8 peratus. Daerah yang mempunyai anggaran penduduk paling rendah ialah daerah Mersing dengan 77,258 orang penduduk dan kadar peningkatan sebanyak 1.1 peratus (Jadual 2.6 dan Rajah 2.10).

Pada tahun 2008, kepadatan penduduk tertinggi juga di daerah Johor Bahru dengan 872 orang bagi setiap km persegi, diikuti oleh daerah Batu Pahat dengan 204 orang bagi setiap

km persegi dan yang ketiga ialah di daerah Pontian dengan 170 orang bagi setiap km persegi. Bagi keseluruhan negeri Johor pada 2008, kepadatan penduduk adalah 175 orang bagi setiap km persegi (Jadual 2.7).

Taburan penduduk di negeri Johor mengikut kumpulan umur serta anggaran nisbah tanggungan di negeri Johor pada tahun 2008 ditunjukkan dalam Jadual 2.8 dan Rajah 2.11. Penduduk yang berumur di bawah 15 tahun dianggarkan merangkumi 30.8 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk pada tahun 2008. Kumpulan penduduk yang berumur 15-64 tahun pula dianggarkan merangkumi 64.9 peratus daripada jumlah penduduk. Manakala selebihnya iaitu 4.3 peratus adalah penduduk warga emas yang berumur 65 tahun ke atas.

Jadual 2.6
Taburan Penduduk di negeri Johor mengikut Daerah bagi Tahun 2005 - 2008

Daerah	2005	2006	2007	2008	% Kadar Perubahan (2005-2008)
Johor Bahru (Iskandar Malaysia)	1,410,875	1,468,000	1,525,990	1,584,932	4.0
Muar	365,360	368,800	371,950	374,026	0.8
Batu Pahat	372,062	376,000	379,960	383,483	1.0
Kluang	297,270	302,700	308,010	311,944	1.6
Segamat	200,780	203,250	205,610	206,200	0.9
Kota Tinggi	215,358	218,900	222,300	223,134	1.2
Pontian	153,502	154,300	155,000	156,404	0.6
Mersing	74,798	75,850	76,800	77,258	1.1
Jumlah	3,090,005	3,167,800	3,245,620	3,317,381	2.4

Sumber : Anggaran berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan, 2000

Jadual 2.7
Taburan Kepadatan Penduduk di negeri Johor mengikut Daerah bagi Tahun 2005 - 2008

Daerah	km persegi	2005	2006	2007	2008
Johor Bahru (Iskandar Malaysia)	1,817	776	808	840	872
Muar	2,346	156	157	159	159
Batu Pahat	1,877	198	200	202	204
Kluang	2,851	104	106	108	109
Segamat	2,851	70	71	72	72
Kota Tinggi	3,488	62	63	64	64
Pontian	919	167	168	169	170
Mersing	2,838	26	27	27	27
Jumlah	18,987	163	167	171	175


Sumber : Anggaran berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan, 2000

Jadual 2.8
Taburan Kepadatan Penduduk di negeri Johor mengikut Daerah bagi Tahun 2005 dan 2008


	2005		2008	
	Bilangan	%	Bilangan	%
0 - 14 tahun	957,902	31.0	1,021,753	30.8
15 - 64 tahun	1,965,243	63.6	2,152,980	64.9
65 tahun ke atas	139,050	4.5	142,647	4.3
Jumlah	3,090,005	100.0	3,317,381	100.0
Nisbah Tanggungan	55.8		54.1	

Sumber : Anggaran berasaskan Bank Data 2005 dan 2007

Rajah 2.10
Taburan Penduduk negeri Johor mengikut Daerah bagi Tahun 2005 dan 2008



Rajah 2.11
Taburan Penduduk negeri Johor mengikut Kumpulan Umur bagi Tahun 2005 dan 2008



PENDAHULUAN

Sektor primer Johor merangkumi sektor utama pertanian serta sektor utama bahan batuan dan galian. Sektor utama pertanian terdiri daripada sektor-sektor kecil pertanian dan perkebunan, sektor kecil penternakan, sektor kecil perikanan dan sektor kecil perhutanan/kayu. Sektor utama bahan batuan dan galian merangkumi pengeluaran pelbagai bahan batuan dan galian seperti pelbagai jenis pasir, batu-batuan termasuk batu bata, genting dan rumput.

Sektor pertanian telah diberikan penekanan yang kuat oleh Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha bagi menggalakkan sektor swasta menerokai bidang baru yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan kelebihan daya saing. Ini termasuk sektor bioteknologi. Penggunaan teknologi tinggi, pengurusan dan organisasi yang lebih canggih serta tenaga insan yang lebih mahir akan menjadi asas utama untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing. Disamping itu, penekanan juga diteruskan melalui program-program yang sediaada seperti pembangunan taman kekal pengeluaran makanan, pembangunan zon industri akuakultur, pusat feedlot negara, pembangunan usahawan industri asastani dan ladang kontrak bagi menambahkan hasil-makanan.

Masalah trend jangka panjang peningkatan harga-harga makanan seperti yang disebutkan dalam Bab 2, telah membawa kepada Dasar Jaminan Makanan dan seperti terkandung di dalam Bajet 2009. Untuk melaksanakan Dasar tersebut, Kerajaan akan melaksanakan beberapa program seperti berikut:

Dasar Jaminan Makanan

Sebanyak RM 5.6 bilion disediakan di bawah Dasar Makanan Negara bagi tempoh 2008 hingga 2010. Peruntukan ini antara lain adalah untuk pembayaran insentif kepada pengusaha pertanian bertujuan meringankan beban kenaikan kos pengeluaran dan bagi menggalakkan peningkatan pengeluaran hasil tani. Seramai 350,000 petani yang mengusahakan sayur-sayuran, buah-buahan, akuakultur dan ternakan akan mendapat faedah daripada insentif ini.

Dalam usaha meningkatkan hasil tangkapan ikan, peruntukan RM300 juta telah disediakan. Daripada jumlah ini, RM180 juta adalah untuk menampung sara hidup nelayan dan pemilik bot perikanan serta RM120 juta sebagai insentif tangkapan ikan. Seramai 100,000 nelayan termasuk pemilik bot akan mendapat manfaat.

Untuk menggalakkan pengeluaran ayam dan itik, kerajaan mencadangkan penternak ayam dan itik diberi elaun pelaburan semula sebanyak 60 peratus bagi tempoh 15 tahun supaya dapat menggalakkan pelaburan tambahan.

Kerajaan akan menyediakan insentif peningkatan pengeluaran hasil padi dengan peruntukan satu bilion ringgit yang akan memberi manafaat kepada 220,000 pesawah di seluruh negara. Lebih 1,300 hektar tanah terbiar telah dikenalpasti bagi pengeluaran padi dan makanan lain seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan.

Selain itu, peruntukan sebanyak RM475 juta disediakan bagi bantuan input pertanian, baja dan racun perosak bagi membantu golongan pesawah. Untuk meringankan beban petani, kerajaan bercadang untuk memansuhkan duti import ke atas baja dan racun perosak.

PERTUMBUHAN SEKTOR PRIMER

Kadar pertumbuhan sektor primer berasaskan pengeluaran menunjukkan bahawa prestasi sektor-kecil kecil iaitu tanaman, penternakan, perikanan, perhutanan dan galian dalam setengah pertama 2008 adalah baik. Antara faktor utama yang menyumbang ke arah prestasi positif ini adalah kenaikan harga pemasaran komoditi dan tambahan hasil pengeluaran beberapa komoditi tertentu.

Walaupun pengeksportan hasil-hasil perikanan telah merosot dalam setengah tahun 2008, tetapi eksport barangan penternakan dan bahan-bahan batuan dan galian telah bertambah. (Jadual 3.1)

Jadual 3.1

Kadar Pertumbuhan (%) Pengeluaran Sektor-Sektor Kecil Pertanian Negeri Johor, 2008

No.	Sektor Kecil	Setengah Tahun '08/'07	Harga Komoditi 2008	Eksport
1	Tanaman	15.3	Naik	td
2	Penternakan	13.4	Naik	67.6
3	Perikanan	15.6	Naik	- 8.3
4	Perhutanan	10.3	Naik	td
5	Bahan Batuan & Galian	5.2	Naik	57.1
	Sektor Primer	8.5	-	-

Sumber: Laporan Ekonomi Negeri Johor, UPEN Johor, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Jabatan Haiwan Negeri Johor, Jabatan Perikanan Negeri Johor, Pejabat Tanah & Galian Negeri Johor

Kadar Pertumbuhan Keseluruhan Tahun 2008

Berasaskan kadar pertumbuhan yang dicapai di dalam sembilan bulan pertama 2008 serta jangkaan hasil pengeluaran dalam suku tahun keempat 2008, secara keseluruhannya sektor pertanian negeri Johor pada tahun 2008 diramal akan meningkat sebanyak 5.8 peratus berbanding hasil pengeluaran yang dicatatkan pada tahun 2007 (Jadual 3.2).

Jadual 3.2


Perbandingan Kadar Pertumbuhan Tahunan dan Sumbangan Nilai Ditambah Sektor Pertanian Negeri Johor dan Malaysia, 2004 – 2007

	Tahun 2004	Tahun 2005	Tahun 2006	Tahun 2007	Tahun 2008
Sektor Pertanian Negeri Johor - Kadar Pertumbuhan Tahunan.	5.4%	7.6%	4.5%	-14.9	5.8%
Sektor Pertanian Malaysia - Kadar Pertumbuhan Tahunan.	5.0%	4.8%	5.3%	3.8%	-

Sumber: Laporan Akaun Keluaran dan Perbelanjaan Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia; Laporan Ekonomi Malaysia 2005/2006, Kementerian Kewangan Malaysia dan Laporan Ekonomi Negeri Johor 2005/2006, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Johor

Rajah 3.1

Perbandingan Kadar Pertumbuhan Tahunan Sektor Pertanian Negeri Johor dan Malaysia, 2004 – 2008



Sumber: Laporan Akaun Keluaran dan Perbelanjaan Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia; Laporan Ekonomi Malaysia 2007/2008, Kementerian Kewangan Malaysia dan Laporan Ekonomi Negeri Johor 2007/2008, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Johor.

PRESTASI SEKTOR-SEKTOR KECIL PERTANIAN

Sektor Kecil Tanaman

Sektor kecil tanaman adalah merangkumi prestasi hasil pengeluaran daripada komoditi kelapa sawit, getah dan tanaman pertanian lainnya. Dalam suku tahun kedua 2008, secara keseluruhan ianya telah merekodkan peningkatan apabila dibandingkan dengan suku tahun kedua 2007. Jangkaan prestasi bagi sektor kecil tanaman dalam tahun 2008 ialah peningkatan sebanyak 4.6 peratus.

Keluasan Tanaman Yang Diusahakan

Jumlah keseluruhan keluasan tanah yang diusahakan di negeri Johor bagi tanaman utama pertanian dalam suku tahun kedua 2007 mencapai 852,264 hektar dan pada tahun 2008, ianya bertambah sedikit kepada 879,208 hektar (Jadual 3.2). Pada tahun 2008, nampaknya keluasan semua tanaman industri seperti kelapa sawit dan getah dalam keadaan yang stabil manakala tanaman-tanaman lain (khususnya tanaman makanan) telah menunjukkan pertumbuhan yang positif. Pada keseluruhannya, pertumbuhan dalam tahun 2008 adalah lebih kurang 3.2 peratus.

Dari segi keluasan tanaman kelapa sawit masih merupakan tanaman yang utama di negeri Johor mewakili sebanyak 71.38 peratus; tanaman kedua penting ialah getah (15.29%), diikuti oleh buah-buahan (7.46%); sayur-sayuran (1.43%) dan nenas (1.09%).(Jadual 3.3 dan Rajah 3.2).


Jadual 3.3

Keluasan Tanaman Utama (Dalam Hektar) di Negeri Johor Bagi Setengah Tahun Pertama 2007 Dan 2008

Tanaman	Tahun 2007				Tahun 2008			
	ST1	%	ST2	%	ST1	%	ST2	%
Kelapa Sawit	623,460	74.79	627,560	73.63	627,560	71.57	627,560	71.38
Getah	123,505	14.82	134,458	15.78	134,458	15.33	134,458	15.29
Buah-buahan	36,745	4.41	38,661	4.54	65,400	7.46	65,600	7.46
Kelapa	20,022	2.4	20,772	2.44	20,400	2.33	20,300	2.31
Sayur-sayuran	16,360	1.96	13,089	1.54	12,400	1.41	12,600	1.43
Koko	326	0.04	350	0.04	350	0.04	355	0.04
Nenas Kaleng	5,423	0.65	5,487	0.64	5,487	0.63	5,560	0.63
Nenas Segar	1,400	0.17	4,160	0.49	2,160	0.25	4,050	0.46
Kopi	2,120	0.25	3,211	0.38	3,400	0.39	3,375	0.38
Tanaman Makanan Lain	4,024	0.48	3,853	0.45	4,200	0.48	4,300	0.49
Bunga-bunga	246	0.03	663	0.08	1,045	0.12	1,050	0.12
Jumlah	833,635	100.00	852,264	100.00	876,860	100.00	879,208	100.00

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor

Rajah 3.2
Peratus Keluasan Tanaman Utama di Negeri Johor bagi ST2 2008



Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor

Pengeluaran Tanaman Pertanian

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2008, semua hasil pengeluaran tanaman pertanian telah meningkat (Jadual 3.4). Berbanding dengan tahun 2007, dalam tahun 2008 peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) ialah sebanyak 29.5 peratus; getah 15.3 peratus; koko kering 2.3 peratus; nenas segar 4 peratus; dan nenas kaleng 2 peratus.

Jadual 3.4

Pengeluaran Tanaman Utama Negeri Johor Dalam Setengah Tahun Pertama 2007 Dan Setengah Tahun Pertama 2008 (Tan Metrik)

Tanaman	Tahun 2007			Tahun 2008			Peratus Peningkatan (Penurunan) Setengah Tahun Pertama 2008/ Setengah Tahun Pertama 2007
	ST1	ST2	1/2 Tahun Pertama	ST1	ST2	1/2 Tahun Pertama	
Minyak Sawit Mentah (CPO)	480,649	569,905	1,050,554	688,588	671,510	1,360,098	29.46
Getah	172,906	188,241	361,147	169,448	178,829	348,277	15.33
Koko (Biji Kering)	263	280	543	267	288	555	2.27
Kopi (Biji Kering)	3,604	5459	9,063	3,655	3,628	7,283	-20
Nenas Segar	36,337	36763	73100	37,609	38,417	76,026	4
Nenas Kaleng	7,000	20800	27800	7,140	21,216	28,356	2
Buah-buahan & Sayur- sayuran	177,689	174,580	352269	200,431	203,569	404,000	15
Kelapa	16,016	16616	32632	26,399	26,242	52,641	61
Tanaman Barangan Makanan	13,682	13100	26782	13755	14,560	28,315	6
Jumlah	908,146	1,025,744	1,933,890	1,147,292	1,158,259	2,305,551	19.22

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor.

Data pengeluaran minyak sawit mentah adalah daripada Lembaga Kelapa Sawit Malaysia

Pengeluaran Minyak Sawit Mentah Meningkat

Pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) di negeri Johor dalam suku tahun ketiga 2008 adalah sebanyak 759,262 tan metrik manakala pada tempoh masa yang sama dalam tahun 2007 pengeluaran CPO adalah sebanyak 783,831 tan metrik. Ini adalah kemerosotan sebanyak 3.1 peratus. Walaubagaimanapun, perbandingan nilai hasil pengeluaran dalam bulan Januari hingga Oktober 2008 dengan tempoh masa yang sama dalam tahun 2007, menunjukkan kenaikan sebanyak 64.6 peratus. Purata harga minyak sawit mentah pula meningkat mendadak sebanyak 13.5 peratus pada bulan Januari hingga Oktober 2008. Perbandingan harga minyak kelapa sawit mentah bagi tempoh masa Januari 2007 hingga Oktober 2008 ditunjukkan dalam Rajah 3.3. Walaupun harga minyak CPO telah meningkat semenjak tahun 2007 tetapi mulai bulan September 2008 ianya menunjukkan penurunan (harga minyak CPO telah jatuh ke paras bawah daripada RM 2,000 setan metrik).

Prestasi Sembilan Bulan Pertama 2008

Dalam sembilan bulan pertama 2008, pengeluaran minyak sawit mentah di negeri Johor meningkat sebanyak 15.5 peratus apabila dibandingkan dengan hasil pengeluaran minyak sawit mentah dalam sembilan bulan pertama 2007. Jumlah hasil pengeluaran di negeri Johor bagi Januari hingga September 2008 adalah 2,119,360 tan metrik. Disamping itu harga purata CPO juga lebih tinggi.

Prestasi Keseluruhan Tahun 2008

Pada tahun 2008, jumlah hasil pengeluaran minyak sawit mentah di negeri Johor dianggarkan mencapai 2,883,191 tan metrik berbanding dengan 2,625,238 tan metrik bagi seluruh tahun 2007 iaitu kenaikan sebanyak 9.9 peratus.

Perkembangan Harga Minyak Sawit Mentah

Pada umumnya, harga pasaran bagi minyak sawit mentah (CPO) di negeri Johor dalam ST1 2008 ini berada pada paras RM3,480 setan metrik dan harga ini adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan harga purata dalam suku tahun 2007 iaitu RM1,930 setan metrik. Pada ST2 2008, harga purata CPO masih tinggi iaitu RM3,500 setan metrik sehingga bulan Ogos 2008. Pada bulan September 2008, tanda-tanda penurunan harga CPO semakin jelas sehingga akhir tahun ini (Jadual 3.5 dan Rajah 3.3).

Jadual 3.5


Pengeluaran dan Harga CPO bagi negeri Johor, ST1 2007-ST3 2008

Suku Tahun	Bulan	Pengeluaran (tan metrik)	Purata Harga Hantaran CPO (Johor)
ST1'07	Jan-07	160,215.00	1,933.50
	Feb-07	148,427.00	1,931.00
	Mar-07	172,007.00	1,969.50
ST2'07	Apr-07	182,575.00	2,226.00
	May-07	196,112.00	2,480.00
	Jun-07	191,218.00	2,617.00
ST3'07	Jul-07	244,877.00	2,643.00
	Aug-07	268,332.00	2,546.00
	Sep-07	270,622.00	2,591.50
ST4'07	Oct-07	270,185.00	2,781.50
	Nov-07	276,955.00	2,978.50
	Dis-07	243,713.00	2,944.00
ST1'08	Jan-08	241,662.00	3,230.00
	Feb-08	217,673.00	3,515.00
	Mar-08	229,253.00	3,693.00
ST2'08	Apr-08	209,989.00	3,442.00
	May-08	229,763.00	3,513.00
	Jun-08	231,758.00	3,607.50
ST3'08	Jul-08	252,110.00	3,482.00
	Aug-08	258,638.00	3,693.00
	Sep-08	248,514.00	2,361.00

Sumber: Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)

Rajah 3.3

Purata Pengeluaran dan Harga Minyak Sawit Mentah (CPO) Bulanan di Johor, Januari 2007 – October 2008 (RM/Tan Metrik)



Sumber: Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)

AKTIVITI AGENSI KERAJAAN

Di samping aktiviti-aktiviti pertanian yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor dan Jabatan Perikanan Negeri Johor, beberapa agensi utama yang lain juga terlibat dalam pembangunan sektor pertanian di negeri Johor seperti Perbadanan Johor, FELDA, FELCRA dan RISDA. Jumlah keluasan tanah pertanian yang diusahakan serta hasil pengeluaran daripada organisasi-organisasi berkenaan di ringkaskan dalam Jadual 3.6-3.9.

Aktiviti Perbadanan Johor

Sehingga ST2 2008, keluasan tanaman kelapa sawit yang diusahakan oleh beberapa operasi di dalam dan luar negara berjumlah lebih 88,000 hektar. Jumlah anggaran hasil pengeluaran yang dilaporkan adalah berjumlah lebih kurang 4.2 juta tan metrik. Lapan puluh tujuh peratus iaitu 3.5 juta tan adalah pengeluaran dari kebun-kebun di Malaysia. Pengeluaran dari Indonesia hanyalah 126,900 tan daripada 8,229 hektar dan di Papua New Guinea lebih kurang 446,140 tan daripada 33,000 hektar (Jadual 3.6(a), 3.6(b) dan 3.6(c)).

Jadual 3.6 (a)

Keluasan Dan Pengeluaran Tanaman Utama yang Diluluskan Oleh Johor Corporation Bagi Setengah Tahun Pertama 2008 – OPERASI MALAYSIA

Tanaman	Tahun 2008				Anggaran Tahunan (Pengeluaran) (Tan Metrik)	Banding dgn prestasi 2007 (Naik/ Turun)
	ST1		ST2			
	Keluasan (Hektar)	Pengeluaran (Tan Metrik)	Keluasan (Hektar)	Pengeluaran (Tan Metrik)		
Kelapa Sawit	44,878.46	254,066.79	45,089.81	229,341.58	2,883,191	Naik
Getah	507.83	130,738.00	507.83	80,032.00	421,540	Naik
Pisang	246.38	61,574.00	246.38	51,873.00	226,894	Naik
Nenas (Kaleng dan Segar)	18.82	33.4	18.82	47.35	163	Turun
Jumlah	45,651.49	446,412.19	45,862.84	361,293.93	3,531,787	Naik

Sumber : Perbadanan Johor

Jadual 3.6 (b): OPERASI INDONESIA

Tanaman	Tahun 2008				Anggaran Tahunan
	ST1		ST2		
	Keluasan (Hektar)	Pengeluaran (Tan Metrik)	Keluasan (Hektar)	Pengeluaran (Tan Metrik)	Pengeluaran (Tan Metrik)
Kelapa Sawit	8,228.86	28,246.12	8,228.86	35,182.54	126,857

Sumber : Perbadanan Johor

Jadual 3.6 (c): OPERASI PAPUA NEW GUINEA

Tanaman	Tahun 2008				Setengah Tahun
	ST1		ST2		
	Keluasan (Hektar)	Pengeluaran (Tan Metrik)	Keluasan (Hektar)	Pengeluaran (Tan Metrik)	Pengeluaran (Tan Metrik)
Kelapa Sawit	33,217.00	218,081.00	32,999.81	228,060.85	446,141.85

Sumber : Perbadanan Johor

Jumlah hasil pengeluaran Perbadanan Johor di ST2 2008 pula adalah sebanyak kira-kira 624,000 tan metrik. Anggaran tahun 2008, jumlah pengeluarannya adalah 4.2 juta tan. Kelapa sawit merupakan lebih daripada 90 peratus dari jumlah pengeluaran tersebut.

Aktiviti FELDA, FELCRA dan RISDA

Maklumat aktiviti FELDA Johor sehingga September 2008 ditunjukkan dalam Jadual 3.7. Sehingga 30 September 2008, jumlah bilangan peserta rancangan FELDA Negeri Johor adalah seramai 27,639 orang dengan jumlah keluasan tanaman sebanyak 48,434.2 hektar. Jumlah pengeluaran hasil-hasil tanaman yang diusahakan oleh FELDA Johor sehingga September 2008 adalah sebanyak kira-kira 249,208 tan metrik (Jadual 3.7).

Jadual 3.7

Maklumat FELDA Negeri Johor; ST1-ST3 2008

Rancangan Felda	Maklumat untuk Tahun 2008			
	(Sehingga 30 Sept 2008)			
	Bil Peserta	Keluasan (Hektar)	Bil Staf	Hasil (tan)
Kelapa Sawit	23,015	38,272.12	443	168,473.28
Getah	734	1,813.22	26	1,279.64
KelapaSawit/Getah	3,890	8,348.81	89	79,455.19
Jumlah	27,639	48,434.15	558	249,208.11

Sumber : Pejabat Felda Negeri Johor

FELCRA pula telah berjaya mengusahakan kawasan seluas kira-kira 23,527 hektar tanah pertanian melibatkan sejumlah 9,488 peserta. Jumlah keluasan di ST2 2008 ini adalah menurun sedikit berbanding 25,376 hektar di suku tahun yang sama tahun lalu. Namun begitu, dari segi pengeluaran pula, jumlahnya kemerosotan hanya sebanyak 0.09 peratus dari 170,664 tan metrik di ST2 2007 kepada 170,507 tan metrik di ST2 2008 (Jadual 3.8).

Sehingga 30 Jun 2008, terdapat sejumlah kira-kira 75,398 orang pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA di seluruh negeri Johor. Jumlah bilangan permohonan untuk tanam semula yang telah diterima sehingga ST2 2008 pula adalah sebanyak 4,856 permohonan dan daripada jumlah ini sebanyak 3,665 diluluskan (Jadual 3.9).

Jadual 3.8

Maklumat dan Kemajuan FELCRA Negeri Johor Bagi Setengah Tahun Pertama 2007 dan 2008

Rancangan FELCRA	Maklumat untuk Tahun 2008 (Sehingga Jun)				Kemajuan					
	Bil Peserta	Keluasan (Hektar)	Bil Staf	Hasil (tan)	Keluasan (Hektar)			Pengeluaran (Tan)		
					Setengah Tahun pertama 2007	Setengah Tahun pertama 2008	% Perubahan Setengah Tahun Pertama 2008 / Setengah Tahun Pertama 2007	Setengah Tahun pertama 2007	Setengah Tahun pertama 2008	% Perubahan Setengah Tahun Pertama 2008 / Setengah Tahun Pertama 2007
Kelapa Sawit	9,108	20,612	t.d	225,019	21,453	20,612	4.08	167,964	166,399	0.94
Getah	380	2,556	271	3,108	3,923	2,556	53.48	2,700	1790	50.84
Kelapa Sawit/Getah	2,064	359	t.d	2,507	t.d	359	t.d	t.d	2,318	t.d
Jumlah	9,488	23,527	271	228,127	25,376	23,527	7.86	170,664	170,507	0.09

Sumber: Pejabat FELCRA Berhad Negeri Johor

Nota: t.d; data tidak tersedia

Jadual 3.9

Maklumat RISDA Negeri Johor Bagi ST2 2007 dan ST1 – ST2 2008

Daerah	Jumlah Bilangan Pekebun Kecil (Sehingga 30 Jun 2008)	Bilangan Permohonan Tanaman Semula Diterima					Bilangan Permohonan Tanaman Semula Diluluskan				
		Tahun 2007	Tahun 2008			% Perubahan	Tahun 2007	Tahun 2008		% Perubahan	
		Setengah tahun Pertama	ST1	ST2	Setengah tahun Pertama	(1/2 Pertama 08) / (1/2 Pertama 07)	Setengah tahun Pertama	ST1	ST2	Setengah tahun Pertama	(1/2 Pertama 08) / (1/2 Pertama 07)
Pontian	8,618	39	125	133	258	561.54	21	94	122	216	928.57
Muar	21,335	273	800	1164	1964	619.41	139	591	816	1407	912.23
Segamat	12,512	353	540	665	1205	241.36	176	338	498	836	375.00
Johor Bahru/Kota Tinggi	6,844	57	127	218	345	505.26	33	127	218	345	945.45
Batu Pahat	12,608	57	186	334	520	812.28	28	154	277	431	1439.29
Kluang	11,010	102	132	206	338	231.37	51	97	194	291	470.59
Mersing	2,471	71	84	142	226	218.31	53	49	90	139	162.26
Jumlah	75,398	952	1,994	2,862	4,856	410.08	501	1,450	2,215	3,665	631.54

Sumber: RISDA Negeri Johor.

SEKTOR KECIL PENTERNAKAN

Prestasi Keseluruhan

Daging ayam merupakan sub-sektor yang terbesar di negeri Johor mewakili 91.7 peratus dari jumlah keseluruhan pengeluaran daging di negeri Johor. Sub-sektor daging ayam dalam tahun ini dianggarkan meningkat hanya sebanyak 0.6 peratus bagi tahun 2008 berbanding tahun 2007. Aktiviti pengeluaran daging lembu dan daging kambing terus meningkat tetapi pertumbuhan lain-lain jenis daging masih rendah. (Jadual 3.10)

Pengeluaran telur ayam dan itik juga mencatatkan pertumbuhan yang positif dalam tahun 2008. Perbandingan di antara tahun 2008 dengan tahun 2007 menunjukkan kadar pertumbuhan sebanyak 8.6 peratus.


Jadual 3.10
Pengeluaran Daging Ternakan dan Telur Ayam/Itik di Negeri Johor Bagi Tahun 2007 dan ST1-ST3 2008 (Tan Metrik)

Jenis	Tahun 2007					Tahun 2008				% Perbezaan ST1-ST3, 2008/2007
	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1-ST3	ST1	ST2	ST3	ST1-ST3	
Daging Lembu/ Kerbau	1,300	1,200	1,300	1,400	3,800	1,553	1,553	1708	4,814	26.68
Daging Kambing Bebiri	42	41	42	43	125	66	66	73	205	64.00
Daging Ayam/itik	90,200	89,000	90,200	90,500	269,400	100,612	100,612	110,673	311,897	15.77
Daging- Daging Ternakan Lain	7,500	7,500	7,500	7,500	22,500	7,500	7,500	8,250	23,250	3.33
Jumlah	99,042	97,741	99,042	99,443	295,825	109,731	109,731	120,704	340,166	13.43
Telur Ayam/itik	32,000	31,600	32,000	32,000	95,600	33,494	33,494	36,843	103,831	8.61

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Komposisi aktiviti-aktiviti penternakan berdasar kepada pengeluaran daging ternakan adalah dijelaskan dalam Rajah 3.4

Rajah 3.4
Peratus Pengeluaran Daging Ternakan dan Telur Ayam/ Itik di Negeri Johor
Sehingga Suku Tahun Ketiga 2008



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Purata Harga Komoditi Penternakan

Sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 3.11, harga daripada pelbagai komoditi penternakan memperlihatkan peningkatan harga pada tahun 2008. Harga daging ayam sekilo yang pada tahun 2007 mencapai lebih kurang RM 5.50 telah meningkat kepada RM 7.00 pada suku tahun ketiga pada 2008. Peningkatan harga dalam tempoh tersebut turut melibatkan kenaikan harga daging lembu. Harga bagi daging kambing adalah sama sepanjang tahun. (Jadual 3.11).

Jadual 3.11
Purata Harga Komoditi Utama Hasil Penternakan Bagi Tahun 2007 Hingga Suku Tahun Ketiga 2008 (RM)

Sektor Kecil	2007					2008			
	ST1	ST2	ST3	ST4	Purata Seluruh Tahun	ST1	ST2	ST3	Purata Suku Tahun Ketiga
Telur Ayam (10 biji):									
Gred A	2.8	2.8	2.8	3.0	2.2	3.0	3.1	3.0	3.1
Gred B	2.75	2.75	2.75	2.9	2.1	2.9	3.0	3.0	3.0
Gred C	2.7	2.7	2.7	2.8	2.1	2.8	2.9	3.0	2.9
Daging (RM per kilogram)									
Daging Ayam	5	5	6	5.8	5.5	5.30	6.00	7.00	6.10
Daging Lembu	18	18	18	18	18	18.00	19.00	19.00	18.67
Daging Kambing	24	24	24	24	24	24.00	24.00	24.00	24.00

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Nilai Eksport

Nilai eksport, mengikut data Jabatan Perkhidmatan Haiwan Johor, menunjukkan peningkatan dalam tahun 2008 bagi semua produk penternakan. Kebanyakan produk haiwan di eksport ke Singapura. (Jadual 3.12). Produk yang telah di eksportkan adalah terdiri daripada ayam hidup, itik hidup, telur ayam, katak dan susu.

Jadual 3.12

Nilai Eksport Ternakan Utama Bagi Suku Tahun-Suku Tahun 2007 dan 2008 (RM Juta)

Jenis Ternakan	Tahun 2007				Tahun 2008				
	ST1	ST2	ST3	Jumlah ST1-ST3	ST1	ST2	ST3	Jumlah ST1-ST3	% ST1-ST3 2008 / ST1-ST3 2008
Ayam Hidup	81.26	75.81	87.46	157.07	84.5	87.3	87.30	259.10	64.96
Itik Hidup	4.37	3.85	4.33	8.22	4.26	5.1	5.14	14.50	76.40
Telur Ayam	12.17	11.57	15.83	23.74	14.45	14.8	14.81	44.06	85.59
Susu	0.54	0.16	0.2	0.7	0.27	0.33	0.32	0.92	31.43
Hasil Penternakan Lain									
Katak	0.62	0.64	0.52	1.26	0.55	0.52	0.52	1.59	26.19
Jumlah	98.96	92.03	108.34	190.99	104.03	108.05	108.09	320.17	67.64


Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Johor

SEKTOR KECIL PERIKANAN

Prestasi Keseluruhan

Komposisi hasil pengeluaran perikanan di negeri Johor dalam setengah tahun pertama 2008 adalah tangkapan ikan laut (45.5%), ikan air tawar (44.9%), ikan dalam sangkar (3.7%), kupang/siput sudu (3.2%) dan udang harimau/putih (2.7%). Dalam suku tahun pertama 2008, kegiatan ikan utama iaitu tangkapan ikan laut, meningkat sebanyak 13.4 peratus di banding dengan tempoh yang sama tahun 2007 tetapi dalam suku tahun kedua jumlah tangkapan telah merosot kepada kadar 14.7 peratus. Pengeluaran ikan air tawar meningkat dalam suku tahun pertama dan juga dalam suku tahun kedua 2008 tetapi pengeluaran ikan air tawar (perairan umum) seluruh tahun 2008 telah merosot dengan kadar lebih kurang 18 peratus. Pengeluaran ikan hiasan nampaknya meningkat dengan pesat dalam tahun 2008. (Jadual 3.13 dan Rajah 3.5).

Rajah 3.5
Komposisi Jenis Hasil Pengeluaran Perikanan di Negeri Johor dalam Setengah Tahun Pertama 2008



Sumber: Jabatan Perikanan Negeri Johor (Tidak termasuk ikan hiasan/ akuarium)

Jadual 3.13
Pengeluaran Hasil Perikanan Utama Negeri Johor Bagi ST1-ST2 2007 Dan 2008 (Tan Metrik)

Jenis Hasil Perikanan	Tahun 2007			Tahun 2008			% Perubahan	
	ST 1	ST 2	Setengah Tahun	ST 1	ST 2	Setengah Tahun	ST2'08/ ST2'07/	Setengah Tahun 2008/2007
Udang Harimau/Putih	1,369.63	1,287.36	2,656.99	3,642.37	1,378.56	5,020.93	7.08	88.97
Ikan Dalam Sangkar	1,093.06	1,145.43		2,230.64	1,852.46	4,083.10	61.73	82.40
Kupang/Siput Sudu	363.15	336.72	699.87	2134.77	1645.42	3,780.19	388.66	440.13
Ikan Air Tawar	1,076.53	1,384.55	2,461.08	2,125.21	1,868.85	3,994.06	34.98	62.29
Ikan Air Tawar (Perairan Umum)								
	282.37	259.07	541.44	232.79	209.33	442.12	-19.20	-18.34
Tangkapan Ikan Laut	16,034.42	27,088.50	43,122.92	19,369.54	23,117.40	42,486.94	-14.66	-1.47
Jumlah	20,219.16	31,501.63	51,720.79	29,735.32	30,072.02	59,807.34	-4.54	15.64
Jumlah Ikan Hiasan (Ekor)	70,857,066	87,813,999	158,671,065.00	133,228,876	108,736,904.00	241,965,780.00	23.83	52.50

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri Johor.

Nilai Eksport

Dari segi eksport ikan, kesemua hasil perikanan (kecuali udang harimau/putih) merosot dengan kadar yang besar dibandingkan dengan tahun 2007 (Jadual 3.14). Nilai eksport ikan air tawar/air payau telah merosot dengan yang tinggi; dan eksport ikan hiasan juga telah merosot. Hanya nilai eksport udang harimau dan udang putih telah meningkat dengan pesat dalam tahun 2008.

Jadual 3.14

Nilai Eksport Hasil Perikanan Utama Negeri Johor Bagi Setengah Tahun Pertama 2007 dan 2008 (RM Juta)

Jenis Hasil Perikanan	Tahun 2007			Tahun 2008			% Perubahan	
	ST 1	ST 2	Setengah Tahun	ST 1	ST 2	Setengah Tahun	ST2'08/ ST2'07	Setengah Tahun 2008/2007
Udang Harimau/Putih	2.5	8.2	10.7	10.7	8.8	19.5	7.32	82.24
Ikan Air Tawar/Air Payau	9.3	10.2	19.5	4.6	4	8.6	-60.78	-55.90
Ikan Akuarium/Hiasan	4.7	4.7	9.4	4.2	4.1	8.3	-12.77	-11.70
Tangkapan Ikan Laut	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d
Ikan diproses	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d
Jumlah	16.5	23.2	39.7	19.5	16.9	36.4	-27.16	-8.31

Sumber: Jabatan Perikanan Negeri Johor

SEKTOR KECIL PERHUTANAN

Pengeluaran Keseluruhan Tahun 2007

Pada keseluruhan tahun 2008, pengeluaran pelbagai barangan kayu di negeri Johor dianggarkan meningkat daripada 336,302 meter padu pada tahun 2006 kepada 341,179 meter padu dan pada tahun 2008 pengeluaran adalah 376,200 meter padu. Kadar pertumbuhan pada tahun 2008 ialah 10.3 peratus bila dibandingkan dengan tahun 2007.

Mengikut jenis dan perbandingan pengeluaran barangan kayu utama dalam tahun 2008 dengan tahun 2007 menunjukkan bahawa kaju gergaji, papan lapis dan beberapa kayu yang telah meningkat (Jadual 3.15). Manakala pengeluaran venir, kayu kumai dan papan bungkah (blockboard) telah merosot.

Jadual 3.15

Pengeluaran Barangan Kayu Utama Dalam Setengah Tahun Pertama 2006, 2007 dan 2008 (Meter Padu)

Jenis	2006	2007			2008		
	Setengah Tahun Pertama	ST 1	ST 2	Setengah Tahun Pertama	ST 1	ST 2	Setengah Tahun Pertama
Kayu Gergaji	102,007	35,813	34,000	69,813	31,789.51	41,612.14	73,401.65
Papan Lapis	5,093	6,248	4,122	10,370	7,282.05	7,986.13	15,268.18
Venir	168	64	56	120	66.15	47.62	113.77
Kayu Kumai (Moulding)	22,047	12,088	14,288	26,376	9,835.73	10,253.37	20,089.10
Papan Bungkah (BlockBoard)	-	8,825	t.d	8,825	t.d	44.65	44.65
Particle Board/Chip Board	20,908	t.d	t.d	-	t.d	t.d	t.d
Medium Density Fibre Board (MDF)	158,028	t.d	t.d	-	t.d	t.d	t.d
Kayu Balak Kecil	-	t.d	t.d	-	t.d	t.d	t.d
Lain-lain Barangan Kayu	28,092	75,932	93,799	169,731	138,024.91	129,257.67	267,282.58
Jumlah	336,302	138,970	202,209	341,179	186,998.35	189,201.58	376,199.93

Sumber: Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

t.d: data tidak tersedia

SEKTOR BAHAN BATUAN DAN GALIAN

Walaupun sektor binaan masih belum dalam keadaan optimum di negeri Johor, sektor batuan dan galian telah mula menunjukkan pertumbuhan yang positif dalam tahun 2008. Angka-angka pertengahan menunjukkan kadar pertumbuhan tinggi apabila dibandingkan dengan pengeluaran dengan tahun 2007. Tetapi pengeluaran pasir silika, batu bata dan genting (keping) pada suku tahun kedua telah perolehi kadar pertumbuhan yang negatif. (Jadual 3.16).

Jadual 3.16

Pengeluaran Bahan Batuan di Negeri Johor Bagi ST1-ST2 2007 dan ST1-ST2 2008

Jenis	2007			2008			% Perubahan	
	ST1	ST2	Setengah Tahun	ST1	ST2	Setengah Tahun	ST2'08/	Setengah Tahun
							ST2'07	2008/2007
Pasir Silika (meter padu)	77,452	69,445	146,897	190,754	60,753	251,507	-12.52	71.21
Pasir Tapisan (meter padu)	t.d	t.d	-	-	8181.4	8181.4		
Pasir Laut (meter padu)	t.d	t.d	-	-	-	-		
Pasir Sg. Air Masin (meter padu)	70,270	72,270	72,270	108703.6	106,992	215,696	48.04	51.61
Rumput (meter persegi)	246,886	264,326	511,212	240,045	279,062	519,107	5.57	1.54
Batu-Bata (Ketul)	159,879,201	187,934,365	347,813,566	189,548,134	176,218,554	365,766,688	-6.23	5.16
Batu Pejal/ Pulau (meter padu)	992,575	1,417,057	2,409,632	1,610,109	1,487,698	3,097,807	4.99	28.56
Genting (keping)	7,076,500	8,985,000	16,061,500	8,595,000	8,857,600	17,452,600	-1.42	8.66
Tanah Liat (meter padu)	14,778	13,429	28,207	15,726	17,043	32,768	26.91	16.17

Sumber: Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

t.d: data tidak tersedia

Eksport barang-barang galian juga meningkat khususnya batu bata, batu pejal dan genting tanah liat (Jadual 3.17). Nilai eksport pasir silika dan genting tanah merah telah mencatatkan merosotan dalam tahun 2008. Eksport pasir silika, batu bata dan genting tanah merah meningkat.

Jadual 3.17

Nilai Eksport Pelbagai Hasil Bahan Batuan Negeri Johor Bagi ST1-ST2 2007 dan ST1-ST2 2008 (RM)

Jenis	2007			2008			% Perubahan	
	ST1	ST2	Setengah Tahun	ST1	ST2	Setengah Tahun	ST2'07/ ST2'06	Setengah Tahun 2007/2006
Pasir Silika	168,753	210,799	379,552	169,194	150,713	319,907	-28.50	-15.71
Rumput	210,218	181,539	391,757	184,212	210,598	394,810	16.01	0.78
Batu Bata	586,980	415,330	1,002,310	644,000	514,180	1,158,180	23.80	15.55
Batu Pejal/Pulau	1,459,805	2,439,280	3,899,085	3,445,554	3,597,995	7,043,549	47.50	80.65
Genting Tanah Merah	4,088	3,664	7,752	2,600	2,520	5,120	-31.22	-33.95
Genting Tanah Liat	4,384	1,224	5,608	5,840	2,400	8,240	96.08	46.93
Batu Perhiasan	26	t.d	26	-	-	-		
Jumlah	2,434,254	3,251,836	5,686,090	4,451,400	4,478,405	8,929,805	37.72	57.05

Sumber: Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

t.d: data tidak tersedia

PENDAHULUAN

Sektor sekunder mengandungi dua industri iaitu industri pembuatan dan industri pembinaan.

Prestasi industri pembuatan di negeri Johor di pantau berasaskan dua sumber iaitu data dan informasi dari pengusaha-pengusaha aktiviti utama dalam industri ini dan data dari Tenaga Nasional Berhad mengenai penggunaan kuasa elektrik oleh setiap jenis industri di negeri Johor. Oleh kerana kadar kegunaan kuasa elektrik membayang dengan agak tepat kadar pengeluaran barangan, maka data ini dapat menunjuk dengan agak tepat kadar perubahan tahap pengeluaran dalam sesuatu jenis industri.

PRESTASI SEKTOR PEMBUATAN DI SELURUH MALAYSIA

Berasaskan Laporan Kementerian Kewangan atau Bank Negara bagi setengah tahun pertama 2008, kadar pertumbuhan (year-on-year) purata bagi sektor pembuatan adalah 6.3 peratus. Peningkatan ini didorong oleh peningkatan permintaan di pasaran domestik dan juga eksport.

Industri yang bergantung kepada pasaran domestik seperti barang-barang pengangkutan, logam asas dan logam berbentuk serta makanan berkembang dengan pesat. Pengeluaran dan eksport oleh industri-industri seperti barang-barang elektronik, mesin dan alat-alat industri kesihatan dan alat saintifik juga meningkat. Tetapi pengeluaran dan eksport barang-barang kayu nampaknya mulai merosot.


Berasaskan data dari Jabatan Perangkaan, kadar pertumbuhan pengeluaran dalam sektor pembuatan terus merosot (Rajah 4.1) Dalam suku tahun ketiga iaitu pada bulan September, indeks pengeluaran sudah menjadi negatif iaitu (-0.8 peratus).

Sebab utama adalah kemerosotan pengeluaran eksport dari sektor pakaian dan tekstil, sektor barang-barang elektrik dan elektronik.

Tetapi, bagi sembilan bulan pertama tahun 2008, sektor pembuatan masih mencapai perkembangan positif berasaskan indeks pengeluaran. Dijangka pada suku tahun keempat, impak kemelesetan ekonomi dunia akan lebih dirasai di Malaysia dan indeks pengeluaran sektor pembuatan dijangka akan terus merosot dalam suku tahun keempat.

Rajah 4.1

Pertumbuhan Indeks Pembuatan dan Indeks Elektrik dan Semua Bahagian Seluruh Malaysia



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

PRESTASI SEKTOR PEMBUATAN DI NEGERI JOHOR

Berasaskan data 'proxy' dan perbincangan dengan wakil-wakil industri tertentu, ternyata corak perkembangan industri pembuatan di negeri Johor tidak banyak berbeza dengan corak perkembangan di Malaysia keseluruhannya. Kadar pertumbuhan sektor ini terus merosot setiap suku tahun diantara suku tahun pertama dengan suku tahun ketiga (Jadual 4.1).

Pada keseluruhannya, sektor pembuatan di negeri Johor berkembang pada kadar lebih kurang 6.65 peratus dalam sembilan bulan pertama tahun 2008 berbanding dengan sembilan bulan pertama tahun 2007. Kadar ini merupakan satu kemerosotan jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan 9.11 peratus dalam seluruh setengah tahun pertama.

Kemerosotan ini adalah kerana kadar pertumbuhan dalam suku tahun ketiga (2.41 peratus) merosot dengan ketara jika dibanding dengan kadar pertumbuhan dalam suku tahun kedua (6.75 peratus) dan suku tahun pertama (11.82 peratus).

Kadar pertumbuhan (year-on-year) bagi hampir semua industri menurun pada suku tahun ketiga berbanding dengan suku tahun kedua. Kadar pertumbuhan adalah negatif pada dua industri utama di negeri Johor iaitu industri tekstil dan pakaian (-2.43 peratus) serta sektor elektronik iaitu Semikonduktor dan Peralatan Komunikasi (-1.11 peratus) dan Barangan Elektrik dan Elektronik lain. (-0.72 peratus).

Jadual 4.1

Kadar Peningkatan Pengeluaran bagi Industri Utama Negeri Johor dan Peningkatan Tahunan 2007 dan ST1-ST3 2008

Sektor Utama/Kecil	ST1 '08/ ST1 '07	ST2 '08/ ST2 '07	ST3 '08/ ST3 '07	1/2 H '08/ 1/2 H '07	ST1-Q3 '08/ ST1-ST3 '07
Makanan, Minuman & Tembaku	21.76%	15.95%	11.36%	18.68%	16.10%
Tekstil, Pakaian & Barangan Kulit	8.40%	2.87%	-2.43%	5.48%	2.67%
Kayu, Barangan Kayu & Perabot	9.54%	3.97%	3.56%	6.61%	5.57%
Kertas, Barangan Kertas dan Percetakan	6.47%	4.24%	5.10%	5.30%	5.23%
Gas, Baja, Petrokimia, Barangan Kimia & Arang	18.80%	13.55%	7.18%	16.03%	12.85%
Getah dan Barangan berasaskan Plastik	5.44%	1.72%	0.08%	3.49%	2.30%
Barangan Galian Bukan Logam	15.55%	7.82%	3.51%	11.45%	8.62%
Barangan berasaskan Logam	14.19%	9.08%	4.94%	11.51%	9.20%
Barangan Logam dibentuk, dll.	19.71%	6.38%	11.02%	12.46%	11.97%
Barangan Elektrik, Radio, TV, dll.	29.54%	41.80%	7.47%	35.66%	61.23%
Semikonduktor & Peralatan Komunikasi	9.14%	2.83%	-1.11%	5.81%	3.36%
Barangan Elektrik, Bateri, Cells, dll.	14.98%	3.20%	3.12%	8.56%	6.64%
Barangan Elektrik dan Elektronik yang Lain	0.63%	-3.00%	-0.72%	-1.27%	-1.09%
Industri Lain	-28.92%	-33.75%	-28.27%	-31.46%	-30.39%
JUMLAH	10.76%	5.10%	1.79%	7.77%	5.66%
PERATUS DIWAJARKAN	11.82	6.75	2.41	9.11	8.83

Sumber: TNB Johor

Berasaskan perbandingan setiap suku tahun (quarter-on-quarter), (Jadual 4.2 dan Rajah 4.2) kadar pertumbuhan negatif adalah ketara bagi beberapa sektor (Jadual 4.2) diantara suku tahun kedua 2008 dengan suku tahun ketiga tahun 2008. Pengeluaran industri Makanan merosot sebanyak (-0.83 peratus), Industri Tekstil, Pakaian sebanyak (-1.04 peratus), Kayu dan Barang Kayu serta Perabot sebanyak (-1.43 peratus), Kertas, Barangan Kertas dan Percetakan sebanyak (-3.87 peratus), Barang Logam sebanyak

(-0.06 peratus), Barang Logam Berbentuk sebanyak (-0.05 peratus). Bagi dua industri iaitu Semikonduktor dan Barang Elektrik (Bateri dan Cell), kadar pertumbuhan adalah kosong.

Jelas, kesan kemelesetan ekonomi dunia ke atas ekonomi negeri Johor sudah mulai ketara dalam suku tahun ketiga. Kesan ini dijangka akan menjadi lebih buruk dalam suku tahun keempat dan seterusnya dalam tahun 2009

Jadual 4.2


Kadar Peningkatan Pengeluaran bagi Indutri Utama Negeri Johor ST1-ST3 2008

Sektor Utama/Kecil	ST2 '08/	ST3 '08/
	ST1 '08	ST2 '08
Makanan, Minuman & Tembakau	6.95%	-0.83%
Tekstil, Pakaian & Barangan Kulit	6.06%	-1.04%
Kayu, Barangan Kayu & Perabot	5.31%	-1.43%
Kertas, Barangan Kertas dan Percetakan	9.43%	-3.87%
Gas, Baja, Petrokimia, Barangan Kimia & Arang	6.54%	0.45%
Getah dan Barangan berasaskan Plastik	6.06%	0.82%
Barangan Galian Bukan Logam	5.51%	0.002%
Barangan berasaskan Logam	5.51%	-0.57%
Barangan Logam dibentuk, dll.	6.07%	-0.05%
Barangan Elektrik, Radio, TV, dll.	9.02%	2.72%
Semikonduktor & Peralatan Komunikasi	5.31%	0.00%
Barangan Elektrik, Bateri, Cells, dll.	7.45%	0.00%
Brangan Elektrik dan Elektronik yang Lain	6.06%	0.82%
Industri Lain	3.78%	3.69%
JUMLAH	6.06%	0.002%
PERATUS DIWAJARKAN (%)	6.12	0.08

Sumber: TNB Johor

Rajah 4.2

Indeks Peningkatan atau Pengeluaran Industri Pembuatan Utama (Berasaskan Tahap Kegunaan Kuasa Elektrik) Negeri Johor 2008



PERKEMBANGAN INDUSTRI PEMBUATAN DALAM ISKANDAR MALAYSIA

Corak dan kadar pertumbuhan industri pembuatan dalam kawasan Iskandar Malaysia (berasaskan data kegunaan Kuasa Elektrik di Daerah Johor Bahru dan Kulai) tidak berbeza dengan corak dan kadar pertumbuhan di negeri Johor keseluruhannya. Sebab utama ialah, selain daripada industri Tekstil dan Pakaian serta Barangan Kayu, kebanyakan industri pembuatan dari segi nilai tambah (value added) terletak dalam kawasan Iskandar Malaysia. Contohnya 90 peratus dari pengeluaran (nilai tambah) industri barangan Petroleum, Kimia dan Barang Kimia, 73 peratus barang-barang Elektronik serta Makanan adalah dari kawasan Iskandar Malaysia.

Oleh kerana data bagi setiap industri tidak didapati untuk tahun 2007, maka perbandingan hanya boleh dibuat di antara suku-suku tahun dalam tahun 2008. Jelas, kadar pengeluaran menurun di antara suku tahun kedua dan suku tahun ketiga bagi beberapa industri utama. Bagi lima industri, kadar pertumbuhan adalah negatif. Industri-industri ini adalah Makanan (-0.67 peratus), Tekstil dan Pakaian (-0.58 peratus), Kayu, Barangan Kayu dan Perabot (-1.27 peratus), Kertas, Barangan Kertas dan Percetakan (-3.71 peratus), Barangan berasaskan Logam (-0.40 peratus). Bagi industri elektrik dan elektronik iaitu Semikonduktor dan Peralatan Komunikasi dan Barangan Elektrik, Batu dan Cell, kadar pertumbuhan adalah hampir kosong (Jadual 4.3 dan Rajah 4.3).

Jadual 4.3


Kadar Peningkatan Pengeluaran Industri Pembuatan Utama (Berasaskan Tahap Penggunaan Kuasa Elektrik) Daerah Iskandar Malaysia ST1-ST3 2008

Sektor Utama/Kecil	ST2 '08 / ST1 '08 (%)	ST3'08 / ST2 '08 (%)
	Makanan, Minuman & Tembakau	7.03
Tekstil, Pakaian & Barangan Kulit	6.14	-0.88
Kayu, Barangan Kayu & Perabot	5.38	-1.27
Kertas, Barangan Kertas dan Percetakan	9.51	-3.71
Gas, Baja, Petrokimia, Barangan Kimia & Arang	6.62	0.62
Getah dan Barangan berasaskan Plastik	6.14	0.98
Barangan Galian Bukan Logam	5.58	0.17
Barangan berasaskan Logam	5.54	-0.40
Barangan Logam dibentuk, dll.	1.77	4.41
Barangan Elektrik, Radio, TV, dll.	9.10	2.88
Semikonduktor & Peralatan Komunikasi	5.39	0.17
Barangan Elektrik, Bateri, Cells, dll.	7.52	0.17
Brangan Elektrik dan Elektronik yang Lain	6.14	0.98
Industri Lain	3.86	3.86
JUMLAH	6.05	0.25
PERATUS DIWAJARKAN	5.85	0.88

Sumber: TNB Johor

Rajah 4.3

Kadar Peningkatan Pengeluaran Begi Industri Utama dalam Daerah Iskandar Malaysia



JUMLAH PENUTUPAN KILANG

Sehingga bulan September 2008, Jabatan Tenaga Kerja melaporkan bahawa terdapat sebanyak 11 buah kilang di negeri Johor yang telah menutup operasi mereka. Bilangan penutupan kilang ini didapati menurun berbanding tempoh yang sama tahun lepas di mana sebanyak 46 buah kilang telah ditutup.

Daripada 11 buah kilang yang ditutup dalam tempoh masa tersebut, 6 buah daripadanya adalah kilang pelbagai pembuatan dan selebihnya iaitu 5 buah kilang lagi adalah kilang pembuatan elektronik.

Perbandingan dengan tiga suku tahun pertama 2007, mendapati daripada sejumlah 46 kilang yang ditutup, 25 buah kilang adalah kilang pelbagai pembuatan, diikuti oleh kilang pembuatan elektronik sebanyak 19 kilang dan 2 buah kilang pembuatan tekstil dan pakaian. (Jadual 4.4 dan Rajah 4.4).

PEMBERHENTIAN PEKERJA

Pada sembilan bulan pertama 2008, seramai 1,477 orang pekerja dari sektor pembuatan telah diberhentikan berikutan daripada penutupan kilang dan pengurangan kos pengurusan kilang. Bilangan ini didapati berkurangan jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lepas di mana sejumlah 2,180 orang pekerja kilang yang telah diberhentikan.

Majoriti pemberhentian pekerja pada tempoh ini adalah dari kilang pembuatan elektronik iaitu 832 orang, diikuti kilang pelbagai pembuatan seramai 571 orang pekerja dan seterusnya 74 orang pekerja dari perkilangan tekstil dan pakaian.

	ST1 2007	ST2 2007	ST3 2007	ST4 2007	ST1 2008	ST2 2008	ST1 2007	ST2 2007	ST3 2007	ST4 2007	ST1 2008	ST2 2008
Iskandar Malaysia (Johor Bahru)	183	212	220	223	223	282	377	352	423	720	564	535
<i>Kota Tinggi</i>	1.00	0.00	1.00	1	1	1	8	9	25	16	16	16
<i>Pontian</i>	35	9	10	10	10	7	42	45	58	52	51	51
<i>Kluang</i>	64	64	64	63	64	64	8	8	8	8	7	7
<i>Mersing</i>	0.00	0.00	0.00	-	-	-	0.00	0.00	0.00	-	-	-
<i>Muar</i>	27	27	32	7	7	7	609	609	609	609	609	609
<i>Batu Pahat</i>	128	125	129	126	127	128	924	951	939	938	936	935
<i>Segamat</i>	3	3	3	3	3	3	4	4	4	6	15	15
Jumlah Luar IM	258	228	239	210	212	210	1,595	1,626	1,643	1,629	1,634	1,633
Jumlah Keseluruhan	441	440	459	433	435	492	1,972	1,978	2,066	2,349	2,198	2,168

Sumber : Laporan Stok Harta Tanah, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Jadual 4.25 (a)

Penawaran Unit Industri Mengikut Jenis Di Negeri Johor Pada Suku Tahun Kedua 2007

Stok \ Jenis	Teres	Berkembar	Sesebuah	Kilang	Kompleks	Jumlah
Sedia ada	7,441	2,726	2,626	0	469	13,262
Siap	0	26	15	0	0	41
Dlm. Pembinaan	224	66	102	0	8	400
Bermula	40	0	0	0	0	40
Dlm. Perancangan	311	528	1,086	0	22	1,947
Baru Dirancang	0	6	25	0	0	31

Sumber : Laporan Stok Harta Tanah, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta


Jadual 4.25 (b)

Penawaran Unit Industri Mengikut Jenis Di Negeri Johor Pada Suku Tahun Kedua 2008


Stok \ Jenis	Teres	Berkembar	Sesebuah	Kilang	Kompleks	Jumlah
Sedia ada	7,466	2,726	2,675	0	469	13,336
Siap	0	0	6	0	0	6
Dlm. Pembinaan	244	78	100	0	9	431
Bermula	0	44	17	0	0	61
Dlm. Perancangan	321	655	1,150	0	22	2,148
Baru Dirancang	0	0	20	0	0	20

Sumber : Laporan Stok Harta Tanah, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta


Rajah 4.16
Penawaran Pejabat Binaan Khas Sedia Ada Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008



Rajah 4.17
Penawaran Kompleks Perniagaan Sedia Ada Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008




Rajah 4.18
Penawaran Unit Kedai Sedia Ada Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008



Rajah 4.19

Penawaran Unit Industri Sedia Ada Di Negeri Johor Pada Setiap Suku Tahun 2007 dan ST1 dan ST2 2008



Hartanah Perindustrian Tidak Terjual

Bilangan unit hartanah perindustrian yang telah siap dibina tetapi tidak terjual pada ST2 2008 ialah 146 unit iaitu 67.9 peratus berbanding 215 unit yang dilancarkan. Nilai hartanah perindustrian yang tidak terjual ini dianggarkan sekitar RM80.38 juta. Keadaan ini tidak banyak berbeza jika dibandingkan dengan ST2 2007.

Hartanah perindustrian yang paling kurang diminati pada St2 2008 adalah kilang berkembar di mana ianya mencatatkan kadar tidak terjual tertinggi iaitu 73.3 peratus manakala kilang teres dengan kadar 67 peratus (Jadual 4.26).

Jadual 4.26

Bilangan Dan Nilai Unit Industri Yang Telah Siap Tetapi Tidak Terjual Mengikut Jenis Di Johor Pada ST2 2007 dan ST2 2008

Jenis dan Suku Tahun	Teres	Berkembar	Sesebuah	Kilang Flat	Kompleks Industri	Lain-lain	Jumlah
ST2 2007							
Unit Dilancarkan	185	30	0	0	0	0	215
Unit Tidak Terjual	125	24	0	0	0	0	149
Kadar Harta Tidak Terjual	67.6	80.0	0.00	0.00	0.00	0.00	69.3
Nilai (RM Juta)	48.57	33.55	0.00	0.00	0.00	0.00	82.12
ST2 2008							
Unit Dilancarkan	185	30	0	0	0	0	215
Unit Tidak Terjual	124	22	0	0	0	0	146
Kadar Harta Tidak Terjual	67.0	73.3	0.00	0.00	0.00	0.00	67.9
Nilai (RM Juta)	48.23	30.76	0.00	0.00	0.00	0.00	78.99

Sumber : Laporan Status Pasaran Harta Tanah, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Stok sediaada bermaksud unit-unit yang telah mendapat Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) atau Sijil Kelayakan Menduduki Sementara (TCFO) sebelum tempoh kajian termasuk unit-unit yang telah siap di bina dan telah mendapat sijil tersebut semasa tempoh kajian. Angka-angka stok sedia ada adalah terkumpul dari suku tahun-suku tahun sebelumnya termasuk pada suku tahun kajian.

Penawaran akan datang mewakili unit-unit di mana kerja-kerja pembangunan di tapak sedang dijalankan termasuk yang baru dimulakan dan CFO/TCFO belum dikeluarkan semasa tempoh kajian. Jumlah unit ini mewakili jumlah unit yang sedang dibina disuku tahun dalam kajian dan suku tahun sebelumnya dicampurkan dengan unit-unit yang sedang di bina di dalam suku tahun dalam kajian. Lanya tidak termasuk tanah lapang tetapi termasuk unit-unit yang lewat dibina.

Penawaran yang dirancang merangkumi unit-unit yang telah mendapat kelulusan pelan bangunan semasa tempoh masa kajian dari pihak berkuasa tempatan. Kerja-kerja fizikal masih belum dilakukan. Lanya termasuk jumlah terkumpul dari suku tahun-suku tahun terdahulu dan unit-unit yang baru diluluskan pelannya.

Hartanah tidak terjual merangkumi unit kediaman, kedai perniagaan dan industri yang telah siap dibina dengan memperolehi Sijil Layak Menduduki (CFO) atau Sijil Layak Menduduki Sementara (TCFO), yang dilancarkan diantara 1 Januari 1997 hingga 30 November 2007 tetapi masih belum dijual melebihi sembilan bulan pada 30 September 2008.

PENDAHULUAN

Sektor tertiar yang terdiri industri perkhidmatan seperti pelancongan, pengangkutan, perhotelan dan restoran, peruncitan dan utiliti. Sumbangan setiap industri dalam sektor ini adalah saling berhubungkait dengan satu sama lain bagi menjadikan pemangkin kepada pertumbuhan KDNK negeri.

Bab sektor tertiar ini, membincangkan perubahan setiap industri perkhidmatan bagi bulan Januari sehingga September tahun 2008 serta perbandingan dengan tempoh yang sama tahun 2007. Walaubagaimanapun, huraian bagi indeks harga makanan di negeri Johor hanya diperbincangkan sehingga bulan Jun berikutan tiada data terkini yang diperolehi dalam tempoh penyediaan laporan ekonomi ini.

PERNIAGAAN RUNCIT

Indeks Harga Makanan

Indeks harga makanan di rumah diperolehi dengan menganalisa data harga makanan bagi 238 jenis makanan bagi keseluruhan negeri Johor yang disediakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna. Kesemua jenis makanan tersebut kemudian dibahagikan kepada 8 kumpulan utama iaitu daging dan ayam; buah-buahan dan sayuran; ikan; susu dan telur; beras, roti dan bijirin lain; minyak dan lemak; gula dan lain-lain makanan. Pengiraan indeks keseluruhan harga makanan pula dihitung dengan menggunakan wajaran yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengiraan indeks harga makanan ini menggunakan dua asas pengiraan iaitu purata harga makanan pada minggu pertama bulan Januari tahun 2001 dan purata harga makanan di Kuala Lumpur.

Tiga bandar utama iaitu Johor Bahru, Muar dan Mersing dipilih bagi mewakili pengiraan keseluruhan harga makanan di negeri Johor. Indeks harga makanan di Kuala Lumpur turut dihitung bagi tujuan perbandingan trend harga dengan ketiga-tiga bandar tersebut.

Indeks Keseluruhan Harga Makanan di Johor Bahru, Muar, Mersing dan Kuala Lumpur

Indeks keseluruhan harga makanan di tiga bandar terpilih di Johor dan Kuala Lumpur sehingga bulan September 2008 berdasarkan tahun asas 2001 ditunjukkan dalam Jadual 5.1(a)-(b) dan Rajah 5.1.

Indeks keseluruhan harga makanan di ketiga-tiga bandar terpilih iaitu Johor Bahru, Mersing, Muar dan Kuala Lumpur sepanjang bulan Januari hingga Jun 2008 didapati terus meningkat daripada indeks tahun asas.

Perbandingan dengan tahun asas 2001 mendapati, indeks keseluruhan harga makanan di Mersing meningkat 22.7 mata, Johor Bahru 22.1 mata, di Muar sebanyak 17.22 mata dan di Kuala Lumpur sebanyak 25.8 mata bagi setengah tahun pertama 2008. Kadar peningkatan indeks adalah lebih tinggi dalam tempoh setengah tahun pertama tahun ini berbanding kadar peningkatan indeks pada tempoh yang sama tahun lepas.

Perbandingan kenaikan indeks harga makanan di antara bulan Januari dan Jun 2008 menunjukkan peningkatan harga makanan di Johor Bahru sebanyak 7.4 peratus, di Muar sebanyak 5.2 peratus, Mersing sebanyak 8.5 peratus dan di Kuala Lumpur adalah tertinggi iaitu sebanyak 10.0 peratus.

Kenaikan harga makanan bagi tempoh enam bulan pertama 2007 dan 2008 menyaksikan kenaikan harga makanan di Johor Bahru dan Muar masing-masing 6.2 peratus, Mersing sebanyak 5.3 dan di Kuala Lumpur sebanyak 6.1 peratus.

Jadual 5.1(a)

Indeks Keseluruhan Harga Makanan di Bandar Utama Terpilih sehingga Jun 2007

Bandar Terpilih	2001 jan	2007						Setengah Tahun Pertama '07
		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	
Johor Bahru	100.00	115.99	115.52	110.82	111.12	111.28	117.24	113.66
Muar	100.00	112.89	116.73	109.38	108.88	109.88	110.89	111.46
Mersing	100.00	117.15	116.14	114.12	109.42	109.42	112.78	113.16
Kuala Lumpur	100.00	114.23	116.11	111.34	114.92	114.92	113.89	114.26

Sumber : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna


Jadual 5.1(b)

Indeks Keseluruhan Harga Makanan di Bandar Utama Terpilih sehingga Jun 2008

Bandar Terpilih	2001 jan	2008						Setengah Tahun Pertama '08
		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	
Johor Bahru	100.00	119.44	121.33	121.64	120.85	122.58	126.82	122.13
Muar	100.00	116.56	112.06	115.23	116.23	119.40	123.75	117.22
Mersing	100.00	120.34	120.85	120.68	121.52	126.39	126.73	122.75
Kuala Lumpur	100.00	122.58	124.11	123.43	120.36	127.68	130.07	125.87

Sumber : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Rajah 5.1
Indeks Keseluruhan Harga Makanan di Bandar-bandar Terpilih sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008



Indeks mengikut Jenis Makanan

Trend indeks harga makanan di rumah mengikut jenis makanan bagi setiap bandar-bandar terpilih bagi tempoh setengah tahun pertama 2007 dan 2008 ditunjukkan dalam Rajah 5.2 – Rajah 5.5.

Trend indeks kebanyakan jenis makanan di **Johor Bahru** terus berubah-ubah sepanjang enam bulan pertama 2008. Hampir kesemua harga jenis makanan semakin meningkat di penghujung bulan Jun 2008. Peningkatan yang ketara ialah pada kumpulan susu dan telur yang menyaksikan peningkatan sebanyak 57.6 mata daripada tahun asas 2001. Kumpulan jenis makanan beras, roti dan bijirin lain turut mengalami peningkatan iaitu sekitar 22.2 mata daripada tahun asas.


Trend harga makanan di **Muar** di sepanjang enam bulan pertama 2008 didapati tidak jauh berbeza dengan indeks harga makanan di Johor Bahru. Ianya juga menyaksikan kadar peningkatan sebanyak 51.3 mata bagi indeks harga susu dan telur daripada harga pada tahun asas 2001. Indeks harga ayam dan daging turut meningkat kepada 132.18 mata dalam tempoh tersebut. Indeks harga kumpulan beras, roti dan bijirin lain meningkat sebanyak 20.8 mata.

Trend indeks harga makanan bagi kebanyakan jenis-jenis makanan di **Mersing** sehingga bulan Jun 2008 juga didapati meningkat sepertimana di kedua-dua bandar tersebut. Peningkatan yang ketara adalah bagi kumpulan susu dan telur iaitu kira-kira 42 mata diikuti oleh kumpulan ayam dan daging dengan kadar peningkatan sebanyak 31 mata daripada indeks tahun asas 2001. Indeks harga kumpulan beras, roti dan bijirin


lain didapati meningkat dengan ketara iaitu kepada sekitar 139.9 dan 140.6 mata masing-masing pada bulan Mei dan Jun berikutan kenaikan harga beras pada tempoh tersebut. Indeks harga gula pada setengah tahun pertama 2008 walaubagaimanapun didapati berkurangan sebanyak 18.4 mata daripada indeks harga gula pada tahun asas.

Trend indeks harga makanan mengikut jenis makanan di **Kuala Lumpur** didapati berubah-ubah sepanjang enam bulan pertama 2008. Indeks harga kumpulan makanan lain didapati mengalami peningkatan tertinggi iaitu kira-kira 40 mata berbanding indeks harga tahun asas. Ini diikuti oleh indeks harga ikan yang meningkat sebanyak 35.4 mata. Indeks harga susu dan telur pula meningkat kepada 132.48 mata daripada indeks harga pada tahun asas 2001.


Rajah 5.2
Indeks Harga Makanan di Rumah mengikut Jenis di Johor Bahru sehingga September bagi Tahun Pertama 2007 dan 2008




Rajah 5.3
Indeks Harga Makanan di Rumah mengikut Jenis di Muar sehingga September bagi Tahun Pertama 2007 dan 2008



Rajah 5.4
Indeks Harga Makanan di Rumah mengikut Jenis di Mersing sepanjang Setengah Tahun Pertama 2007 dan 2008



Rajah 5.5
Indeks Harga Makanan di Rumah mengikut Jenis di Kuala Lumpur sepanjang Setengah Tahun Pertama 2007 dan 2008



Nota : Tahun 2001 = 100.00

Indeks Harga Makanan di Johor Bahru, Muar dan Mersing Berbanding Kuala Lumpur

Perbandingan indeks harga makanan mengikut jenis di bandar-bandar terpilih di negeri Johor berasaskan indeks harga di Kuala Lumpur bagi setengah tahun pertama 2008 dan 2007 ditunjukkan dalam Rajah 5.6.

Indeks keseluruhan harga makanan di Johor Bahru pada setengah tahun pertama 2008 menunjukkan 5.25 peratus lebih tinggi daripada indeks harga di Kuala Lumpur. Indeks


harga makanan di Johor Bahru pada tempoh yang sama tahun lepas juga lebih tinggi berbanding Kuala Lumpur iaitu sebanyak 7.09 peratus.

Berbeza dengan Johor Bahru, indeks keseluruhan harga makanan di Muar pada enam bulan pertama tahun ini didapati lebih rendah berbanding indeks harga makanan di Kuala Lumpur. Perbezaan di antara kedua-dua bandar ini ialah sebanyak 5.06 peratus. Perbandingan dengan tempoh yang sama tahun lepas, indeks keseluruhan harga makanan di Muar hanya 0.56 peratus lebih rendah daripada indeks harga makanan di Kuala Lumpur.

Perbezaan indeks keseluruhan harga makanan di Mersing dengan indeks keseluruhan harga makanan di Kuala Lumpur sebanyak 1.22 peratus lebih rendah pada setengah tahun pertama 2008. Walaubagaimanapun 0.31 peratus lebih tinggi daripada harga di Kuala Lumpur pada tempoh yang sama tahun lepas.

Secara keseluruhannya, indeks harga makanan di Johor Bahru sepanjang setengah tahun pertama 2008 adalah lebih tinggi berbanding indeks keseluruhan harga makanan di Kuala Lumpur manakala lebih rendah di Muar dan Mersing.

Rajah 5.6
Perbezaan Indeks Keseluruhan Harga Makanan di Bandar-bandar Terpilih berbanding Kuala Lumpur, Setengah Tahun Pertama 2007 dan 2008



Note : Kuala Lumpur =100

PELANCONGAN

Jumlah Kemasukan Warga Asing Merosot

Jabatan Imigresen negeri Johor, melaporkan jumlah kemasukan warga asing ke Malaysia melalui negeri Johor adalah seramai 10,449,497 orang bagi tempoh tiga suku tahun pertama 2008. Jumlah kemasukan warga asing ini merosot dengan ketara iaitu sebanyak 40.9 peratus daripada sejumlah 17,675,421 warga asing memasuki negeri Johor pada tempoh masa yang sama tahun lepas. (Rajah 5.7 dan Jadual 5.2).


Bilangan Warga Asing mengikut Negara Asal

Sehingga bulan September 2008, bilangan pelancong Singapura masih kekal sebagai penyumbang terbesar (80.0 peratus) daripada jumlah keseluruhan pelancong asing ke negeri Johor telah mencecah angka 8,359,016 orang. Walaubagaimanapun, jumlah pelancong Singapura didapati merosot dengan ketara iaitu sebanyak 48.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas yang berjumlah 16,224,008 orang dengan menyumbang sebanyak 91.8 peratus daripada keseluruhan warga asing memasuki negeri Johor.

Pelancong Indonesia yang merupakan pelancong kedua terbesar memasuki negeri Johor, mencatatkan sejumlah 573,960 orang pelancong menunjukkan peningkatan pada kadar 22.7 peratus sehingga bulan September 2008 berbanding tahun 2007 yang berjumlah 467,743 orang. Penyumbang ketiga terbesar warga asing iaitu pelancong China sepanjang tiga suku tahun pertama 2008, meningkat dengan ketara kepada seramai 507,218 orang daripada sejumlah 215,564 orang pada tempoh yang sama tahun lepas. (Jadual 5.2 dan Rajah 5.8)

Rajah 5.7

Kemasukan Warga Asing ke Malaysia melalui negeri Johor Sehingga September 2007 & 2008



Jadual 5.2


Kemasukan Warga Asing melalui Negeri Johor mengikut Negara Asal sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008

Warganegara	Tahun 2007				Tahun 2008				Kadar Perubahan (%)
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1 - ST3 07/08
Singapura	4,860,754	5,485,695	5,877,559	16,224,008	2,767,354	2,972,897	2,618,765	8,359,016	(48.5)
Indonesia	145,394	158,343	164,006	467,743	133,643	217,352	222,965	573,960	22.7
Jepun	43,400	34,106	42,350	119,856	39,188	39,660	40,995	119,843	(0.0)
China	61,699	70,731	83,134	215,564	292,050	114,503	100,665	507,218	135.3
Thailand	12,318	15,835	15,625	43,778	16,089	22,011	19,531	57,631	31.6
United Kingdom	15,078	12,902	14,883	42,863	15,627	21,441	22,223	59,291	38.3
Australia	12,970	10,138	12,888	35,996	10,458	16,964	16,856	44,278	23.0
Hong Kong	535	445	446	1,426	264	877	1,354	2,495	75.0
Taiwan	5,993	5,318	8,734	20,045	5,839	8,007	8,699	22,545	12.5
Brunei	984	1,246	1,277	3,507	1,275	1,128	1,354	3,757	7.1
Lain-lain	141,459	180,943	178,233	500,635	226,044	242,326	231,093	699,463	39.7
Jumlah	5,300,584	5,975,702	6,399,135	17,675,421	3,507,831	3,657,166	3,284,500	10,449,497	(40.9)

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor

Rajah 5.8

Kemasukan Warga Asing ke Negeri Johor mengikut Negara Asal sehingga September 2007 dan 2008



Laluan Masuk Utama

Tambak Johor yang merupakan laluan utama ke negeri Johor menerima jumlah pelancong asing tertinggi iaitu seramai 6,703,860 orang. Jumlah ini didapati merosot dengan ketara iaitu sebanyak 53.5 peratus daripada tempoh yang sama tahun lepas yang berjumlah 14,425,008 orang.

Bagi laluan Tanjung Kupang pula, jumlah warga asing yang melalui laluan ini meningkat sebanyak 20.3 peratus kepada sejumlah 2,979,298 orang sepanjang sembilan bulan pertama 2007 daripada sejumlah 2,475,797 orang pada tempoh yang sama tahun lepas.

Laluan masuk ketiga iaitu melalui Tanjung Puteri turut mencatatkan pengurangan kemasukan warga asing sebanyak 30.1 peratus sehingga bulan September 2008 yang berjumlah 162,158 orang berbanding tempoh yang sama tahun lepas yang berjumlah 231,884 orang. (Jadual 5.3 dan Rajah 5.9).


Jadual 5.3

Kemasukan Warga Asing melalui Negeri Johor mengikut Pintu Masuk Utama sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008

Pintu Masuk	Tahun 2007				Tahun 2008				Perubahan (%)
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	
Tambak Johor	4,316,583	4,799,850	5,308,575	14,425,008	2,251,805	2,329,976	2,122,079	6,703,860	(53.5)
Tanjung Kupang	706,514	921,136	848,147	2,475,797	1,001,518	1,069,401	908,379	2,979,298	20.3
Tanjung Puteri	74,154	83,052	74,678	231,884	56,622	54,367	51,167	162,156	(30.1)
Tg Pagar (Keretapi)	87,506	28,572	24,997	141,075	29,112	20,858	27,104	77,074	(45.4)
Tanjung Belungkor	5,652	11,453	9,161	26,266	13,387	10,649	8,627	32,663	24.4
Tanjung Pengelih	9,060	10,269	6,831	26,160	7,265	10,040	6,626	23,931	(8.5)
Stulang Laut	42,575	60,130	61,433	164,138	64,594	54,640	52,326	171,560	4.5
Pasir Gudang	5,743	5,328	4,934	16,005	13,973	29,435	27,221	70,629	341.3
Tanjung Pelepas	20,583	23,893	23,498	67,974	18,455	24,670	27,117	70,242	3.3
Kukup	30,698	30,720	32,782	94,200	41,581	40,822	43,406	125,809	33.6
Muar	479	1,014	393	1,886	-	-	-	-	(100.0)
Lapangan Terbang Senai	1,037	285	3,706	5,028	9,519	12,308	10,448	32,275	541.9
Jumlah	5,300,584	5,975,702	6,399,135	17,675,421	3,507,831	3,657,166	3,284,500	10,449,497	(40.9)

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor

Rajah 5.9
Kemasukan Warga Asing ke Negeri Johor mengikut Pintu Masuk Utama sehingga September 2007 dan 2008



PENGANGKUTAN

LAPANGAN TERBANG SENAI

Pergerakan Penumpang Domestik dan Antarabangsa

Prestasi pergerakan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai pada sembilan bulan pertama 2008 menunjukkan peningkatan yang baik dengan mencatatkan sejumlah 1,085,924 orang penumpang. Kadar peningkatan pergerakan penumpang pada tempoh ini adalah sebanyak 19.4 peratus berbanding seramai 909,327 penumpang pada tempoh yang sama tahun lepas.

Pergerakan penumpang domestik sehingga bulan September 2008 di Lapangan Terbang Senai adalah seramai 940,154 penumpang, meningkat sebanyak 5.3 peratus daripada tempoh yang sama tahun lepas yang berjumlah 893,176 orang penumpang.

Pergerakan penumpang antarabangsa pula meningkat dengan ketara iaitu kepada seramai 145,410 orang penumpang daripada hanya seramai 16,151 orang penumpang pada sembilan bulan yang pertama tahun 2007. (Jadual 5.4 dan Rajah 5.10)

Jadual 5.4


Pergerakan Penumpang Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Senai Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008

Penumpang	Tahun 2007				Tahun 2008				Kadar Perubahan (%)
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1 - ST3 '07/'08
Domestik	282,732	306,078	304,366	893,176	314,077	312,983	313,454	940,514	5.3
Kelimaan	141,428	152,132	150,437	443,997	156,057	156,865	154,699	467,621	5.3
Pelepasan	141,304	153,946	153,929	449,179	158,020	156,118	158,755	472,893	5.3
Singgah	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Antarabangsa	4,947	-	11,204	16,151	38,900	59,869	46,641	145,410	800.3
Kelimaan	3,946	-	5,615	9,561	19,353	28,574	20,561	68,488	616.3
Pelepasan	1,001	-	5,589	6,590	19,547	31,295	26,080	76,922	1,067.3
Jumlah	287,679	306,078	315,570	909,327	352,977	372,852	360,095	1,085,924	19.4

Sumber : Senai Airport Terminal Services (SATS)

Rajah 5.10

Pergerakan Penumpang Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sehingga September 2007 dan 2008



Bilangan Penerbangan Domestik dan Antarabangsa

Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2008, jumlah penerbangan yang beroperasi di Lapangan Terbang Senai juga menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 13.2 peratus kepada sejumlah 32,256 penerbangan berbanding 28,486 penerbangan pada tempoh yang sama tahun lepas.

Dalam tempoh ini, penerbangan domestik berjumlah 28,130 penerbangan manakala penerbangan antarabangsa adalah sebanyak 4,126 penerbangan. Penerbangan domestik mencatatkan kadar peningkatan sebanyak 13.4 peratus manakala penerbangan antarabangsa meningkat pada kadar 12.0 peratus daripada tempoh yang sama tahun 2007. (Jadual 5.5 dan Rajah 5.11)

Jadual 5.5


Bilangan Penerbangan Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Senai Sehingga September bagi Tahun Pertama 2007 dan 2008

	Tahun 2007				Tahun 2008				Kadar Perubahan (%)
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1 - ST3 '07/'08
Domestik	9,009	7,285	8,508	24,802	8,621	10,092	9,417	28,130	13.4
Berjadual	2,638	2,738	2,912	8,288	2,905	2,785	2,808	8,498	2.5
Tidak berjadual	6,371	4,547	5,596	16,514	5,716	7,307	6,609	19,632	18.9
Antarabangsa	1,482	1,150	1,052	3,684	1,629	1,293	1,204	4,126	12.0
Berjadual	46	-	163	209	395	534	415	1,344	543.1
Tidak berjadual	1,436	1,150	889	3,475	1,234	759	789	2,782	(19.9)
Jumlah	10,491	8,435	9,560	28,486	10,250	11,385	10,621	32,256	13.2

Sumber : Senai Airport Terminal Services (SATS)

Rajah 5.11

Bilangan Penerbangan Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sehingga September 2007 dan 2008



Pergerakan Kargo di Lapangan Terbang Senai

Lapangan Terbang Antarabangsa Senai mencatatkan pengendalian kargo sebanyak 3,609,904 kilogram bagi tempoh sembilan bulan pertama 2008. Kadar peningkatan pengendalian kargo ini didapati kurang daripada 1.0 peratus jika dibandingkan dengan sejumlah 3,578,505 kilogram kargo yang dikendalikan pada tempoh yang sama tahun lepas.

Pada tempoh ini, kesemua jumlah kargo tersebut adalah kargo domestik manakala tiada kargo antarabangsa yang direkodkan. Oleh itu prestasi kenaikan pengendalian kargo domestik telah meningkat sebanyak 9.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2007 di mana sejumlah 3,300,345 kilogram kargo domestik yang telah dikendalikan di lapangan terbang ini. (Jadual 5.6 dan Rajah 5.12).


Jadual 5.6

Bilangan Pergerakan Kargo Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Senai sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008

	Tahun 2007				Tahun 2008				Kadar Perubahan (%)
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1 - ST3 '07/ '08
<i>Domestik</i>	935,957	1,279,265	1,102,936	3,300,345	1,258,522	1,275,001	1,075,571	3,609,094	9.4
Ketibaan	427,151	657,160	551,614	1,635,925	511,164	726,643	586,294	1,824,101	11.5
Pelepasan	493,097	620,001	551,322	1,664,420	747,358	548,358	489,277	1,784,993	7.2
Singgah	15,709	2,104	-	-	-	-	-	-	-
<i>Antara bangsa</i>	25,402	43,534	209,224	278,160	-	-	-	-	-
Ketibaan	-	17,468	6,417	23,885	-	-	-	-	-
Pelepasan	25,402	26,066	202,807	254,275	-	-	-	-	-
Singgah	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	961,359	1,322,799	1,312,160	3,578,505	1,258,522	1,275,001	1,075,571	3,609,094	0.9

Sumber : Senai Airport Terminal Services (SATS)

Rajah 5.12
Jumlah Pengendalian Kargo Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa
Senai Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008



PELABUHAN

Prestasi Pelabuhan Pasir Gudang

Pihak pengurusan Pelabuhan Johor melaporkan bahawa prestasi pengendalian kargo di Pelabuhan Pasir Gudang adalah lebih baik pada tiga suku tahun pertama 2008 di mana sejumlah 21,080,459 FWT kargo dikendalikan dengan kadar peningkatan sebanyak 11.3 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas yang berjumlah 18,930,452 FWT.

Peningkatan jumlah keseluruhan pengendalian kargo pada tempoh ini adalah berikutan pengembangan pengendalian kargo pukal cecair dan kontena, masing-masing sebanyak 26.5 peratus dan 8.5 peratus daripada sembilan bulan pertama tahun lepas. Walaubagaimanapun pada tempoh ini, pengendalian kargo am dan pukal kering merosot masing-masing sebanyak 13.5 peratus dan 0.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Sepanjang sembilan bulan pertama 2008, pengendalian kontena dalam kiraan TEU's di Pelabuhan Pasir Gudang didapati menurun sebanyak 2.1 peratus kepada sejumlah 670,852 TEU's berbanding tempoh yang sama tahun lepas yang berjumlah 685,427 TEU's. (Jadual 5.7)

Jadual 5.7

Pengendalian Kargo mengikut Kategori di Pelabuhan Pasir Gudang sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008

Kategori Kargo	Tahun 2007				Tahun 2008				Kadar Perubahan (%)
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1-ST3 '07/'08
Kargo Am	571,020	662,294	621,761	1,855,075	425,307	624,145	556,103	1,605,555	(13.5)
Pukul Kering	994,698	1,004,930	1,060,330	3,059,958	1,105,633	996,771	945,018	3,047,422	(0.4)
Pukul Cecair	2,032,017	2,423,302	2,340,284	6,795,603	2,652,280	3,456,943	2,486,294	8,595,517	26.5
Kontena dalam FWT	2,439,940	2,369,785	2,410,091	7,219,816	2,497,936	2,649,593	2,684,436	7,831,965	8.5
dalam TEUs	212,132	241,494	231,801	685,427	214,098	225,089	231,665	670,852	(2.1)
Jumlah kargo dlm FWT	6,037,675	6,460,311	6,432,466	18,930,452	6,681,156	7,727,452	6,671,851	21,080,459	11.4

Sumber : Lembaga Pelabuhan Johor

Pelabuhan Tanjung Pelepas

Sehingga bulan September 2008, pengendalian kargo di Pelabuhan Tanjung Pelepas memecah sebanyak 4,263,219 TEU's dengan kadar peningkatan sebanyak 5.2 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas yang berjumlah 4,052,474 TEU's.

Pengendalian kargo dalam FWT di Pelabuhan Tanjung Pelepas pada sembilan bulan pertama 2008 adalah sebanyak 67,225,252 FWT meningkat sebanyak 2.2 peratus daripada 65,787,381 FWT dalam tempoh yang sama tahun 2007. (Jadual 5.8 dan Rajah 5.13).

Jadual 5.8


Pengendalian Kargo di Pelabuhan Tanjung Pelepas Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008

Kategori Kargo	Tahun 2007				Tahun 2008				Kadar Perubahan (%)
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1-ST3 '07/'08
Kontena									
FWT	19,987,763	24,876,788	20,922,831	65,787,381	20,514,690	22,260,842	24,449,720	67,225,252	2.2
TEUs	1,341,071	1,382,049	1,329,354.5	4,052,474	1,333,961	1,422,749	1,506,509	4,263,219	5.2

Sumber : Lembaga Pelabuhan Johor

Rajah 5.13

Jumlah Pengendalian Kargo dalam TEU's di Pelabuhan Utama Johor Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008



Perkhidmatan Keretapi

Peningkatan Perkhidmatan Penumpang dan Barangan

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) melaporkan jumlah perkhidmatan penumpang hanya sehingga bulan Ogos 2008, di mana penumpang KTMB telah mencecah seramai 471,730 orang. Walaubagaimanapun, sehingga bulan September tahun lepas jumlah ini penumpang KTMB adalah seramai 527,642 orang.

Sehingga bulan September 2008, pengangkutan barangan melalui keretapi pula mencecah 176,781 tan metrik dengan kadar peningkatan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 25.7 peratus berbanding 140,639 tan metrik pada tempoh yang sama tahun lepas. (Jadual 5.9 dan Rajah 5.14)

Jadual 5.9

Pergerakan Penumpang dan Barangan melalui KTMB di Negeri Johor sehingga September 2007 dan 2008


Kategori	Tahun 2007				Tahun 2008				Kadar Perubahan (%)
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	
Penumpang (bilangan)	162,434	183,628	181,580	527,642	177,324	168,264	126,142*	471,730*	(n/a)
Barangan (Tan)	43,144	52,014	45,481	140,639	52,223	69,461	55,097	176,781	25.7

Sumber : Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)

*Nota : sehingga Ogos

Rajah 5.14

Pengangkutan Barangan melalui KTMB di Negeri Johor Sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008



UTILITI

Penjualan Tenaga Elektrik

Tenaga Nasional Berhad (TNB) melaporkan jumlah penjualan tenaga elektrik bagi sembilan bulan pertama 2008 telah mencecah 9,446.53 KWJ juta dengan kadar peningkatan sebanyak 5.3 peratus daripada tempoh yang sama tahun lepas yang berjumlah 8,967.43 KWJ juta.

Penjualan tenaga elektrik mengikut kategori pada tempoh ini menunjukkan penjualan tertinggi kepada sektor industri sebanyak 5,011.57 KWJ juta (53.05 peratus), diikuti oleh sektor komersil sebanyak 2,687.76 KWJ juta (28.45 peratus) dan 1,747.2 KWJ juta (18.5 peratus) kepada sektor domestik.

Perbandingan dengan tempoh yang sama tahun lepas, menunjukkan penjualan tenaga elektrik kepada sektor domestik meningkat sebanyak 4.7 peratus, sektor komersil sebanyak 5.2 peratus dan sektor industri sebanyak 5.7 peratus (Jadual 5.10 dan Rajah 5.15).

Jadual 5.10


Unit Jualan KWJ (juta) mengikut Jenis Pengguna di Negeri Johor Sehingga September 2007 dan 2008

Jenis Pengguna	Tahun 2007				Tahun 2008				Kadar Perubahan (%) ST1 - ST3 '07/ '08
	ST1	ST2	ST3	ST1 ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 ST3	
Domestik	515.9	581.5	571.1	1,668.50	556.9	601.5	588.7	1,747.19	4.7
Komersil	782.0	876.0	898.0	2,556.01	859.6	924.8	903.3	2,687.76	5.2
Industri	1,449.6	1,620.3	1,673.0	4,742.92	1,605.6	1,703.0	1,703.0	5,011.57	5.7
Jumlah	2,747.5	3,077.8	3,142.1	8,967.43	3,022.2	3,229.3	3,195.0	9,446.53	5.3

Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Rajah 5.15

Unit Jualan KWJ (juta) mengikut Jenis Pengguna di Negeri Johor sehingga September 2007 dan 2008



Penggunaan Bekalan Air

Sehingga bulan September 2008, jumlah penggunaan bekalan air di negeri Johor sepertimana yang dicatatkan oleh Syarikat Air Johor (SAJ) telah meningkat 4.0 peratus kepada 2,913 JLH daripada sejumlah 2,800 JLH pada tempoh yang sama tahun lepas.

Dalam tempoh ini, kategori penggunaan air tertinggi adalah bagi kegunaan domestik iaitu sebanyak 1,948 JLH (66.7 peratus) diikuti dengan perdagangan 877 JLH (30.1 peratus) dan selebihnya 88 JLH bagi kegunaan kerajaan, hospital dan kapal.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama 2008, kategori perdagangan mengalami peningkatan tertinggi iaitu 8.4 peratus, diikuti oleh kategori domestik sebanyak 2.4 peratus manakala sektor kerajaan dan hospital pula mengalami penurunan sebanyak 1.2 peratus. Penggunaan bagi sektor perkapalan walaupun bagaimanapun tiada mengalami perubahan berbanding tempoh yang sama tahun lepas. (Jadual 5.11-5.12 dan Rajah 5.16).

Jadual 5.11

Penggunaan Air (JLH) Di Negeri Johor Mengikut Daerah sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008

Daerah	Tahun 2007				Tahun 2008				Kadar Perubahan (%) ST1- ST3 '07/ '08
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	
Johor Bahru (Iskandar Malaysia)	523	516	529	1,568	535	566	561	1,661	5.9
Batu Pahat	92	91	91	274	88	96	94	277	1.1
Kota Tinggi	51	48	53	152	50	56	54	160	5.3
Mersing	18	18	20	56	21	20	21	62	10.7
Muar	90	102	88	280	88	98	95	281	0.4
Pontian	37	39	37	113	37	40	39	116	2.7
Segamat	48	47	46	141	46	48	49	143	1.4
Kluang	71	75	70	216	67	72	74	213	(1.4)
Jumlah	930	936	934	2,800	931	995	987	2,913	4.0

Sumber : Syarikat Air Johor (SAJ) Holding Sdn Bhd

Jadual 5.12


Penggunaan Air (JLH) Di Negeri Johor Mengikut Kategori sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008

Kategori	Tahun 2007				Tahun 2008				Kadar Perubahan (%) ST1- ST3 '07/ '08
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	
Domestik	637	634	631	1,902	625	663	660	1,948	2.4
Perdagangan	266	272	271	809	278	302	297	877	8.4
Kerajaan dan Hospital	25	28	30	83	26	28	28	82	(1.2)
Kapal	2	2	2	6	2	2	2	6	-
Jumlah	930	936	934	2,800	931	995	987	2,913	4.0

Sumber : Syarikat Air Johor (SAJ) Holding Sdn Bhd

Rajah 5.16

Jumlah Penggunaan Air (JLH) mengikut Kategori di negeri Johor sehingga September 2007 dan 2008



Telekomunikasi

Bilangan Ibu Sawat dan Kapasiti Muatan

Bilangan ibu sawat Telekom Malaysia yang beroperasi di negeri Johor sehingga 30 September 2008 adalah 117 buah dengan kapasiti muatan sebanyak 1,272,269 talian.

Kawasan Iskandar Malaysia mempunyai bilangan ibu sawat tertinggi iaitu 27 buah ibu sawat dengan kapasiti muatan sebanyak 696,665 talian, diikuti daerah Batu Pahat (18 ibu sawat) dengan kapasiti sebanyak 140,678 talian, Muar (16 ibusawat) dengan 126,664 talian, Kluang, Segamat dan Kota Tinggi masing-masing mempunyai 15 buah ibu sawat, manakala Pontian, 6 buah ibu sawat dan yang terakhir daerah Mersing dengan 5 buah ibu sawat.

Muatan Talian Berupaya Memenuhi Permintaan Masa Hadapan

Daripada sejumlah 1,272,269 muatan talian tetap yang ditawarkan oleh Telekom Malaysia bagi sembilan bulan pertama 2008, sebanyak 550,810 (43.3 peratus) talian tetap yang telah digunakan, yang merangkumi 384,145 talian kediaman dan selebihnya iaitu 166,665 talian adalah talian perniagaan. Ini bermakna muatan talian semasa masih berupaya memenuhi permintaan masa depan kerana masih terdapat 56.7 peratus iaitu 721,459 talian yang masih belum digunakan. (Jadual 5.13).

Jadual 5.13

Profil Sistem Telekomunikasi di Negeri Johor Yang Ditawarkan oleh Telekom Malaysia Berhad sehingga 30 September 2008

Daerah	Bilangan Ibu Sawat	Muatan	Talian kediaman		Talian Perniagaan		Jumlah Talian Digunakan		Lebihan Muatan	
			Bilangan	(%)	Bilangan	(%)	Bilangan	(%)	Bilangan	(%)
Johor Bahru (Iskandar Malaysia)	27	696,665	178,303	25.6	100,478	14.4	278,781	40.0	417,884	60.0
Batu Pahat	18	140,678	53,578	38.1	18,965	13.5	72,543	51.6	68,135	48.4
Muar	16	126,864	46,610	36.7	14,511	11.4	61,121	48.2	65,743	51.8
Kluang	15	111,109	39,665	35.7	13,494	12.1	53,159	47.8	57,950	52.2
Segamat	15	67,251	24,913	37.0	7,245	10.8	32,158	47.8	35,093	52.2
Kota Tinggi	15	66,158	18,152	27.4	5,358	8.1	23,510	35.5	42,648	64.5
Pontian	6	43,490	16,034	36.9	4,412	10.1	20,446	47.0	23,044	53.0
Mersing	5	20,054	6,890	34.4	2,202	11.0	9,092	45.3	10,962	54.7
Jumlah	117	1,272,269	384,145	30.2	166,665	13.1	550,810	43.3	721,459	56.7

Sumber: Syarikat Telekom Malaysia Berhad, Negeri Johor

PENDAHULUAN

Laporan daripada Perbendaharaan Negeri Johor dihuraikan secara ringkas di dalam bab kewangan ini. Jumlah hasil pendapatan dan sumber-sumber hasil bagi sembilan bulan pertama tahun 2008 juga dibincangkan. Komponen-komponen perbelanjaan kerajaan negeri Johor juga turut dihuraikan. Perbandingan hasil pendapatan dan perbelanjaan negeri Johor dengan tempoh yang sama tahun 2007 juga dibincangkan secara ringkas.

HASIL

Jumlah Hasil Pendapatan

Kerajaan negeri Johor menerima sejumlah RM571.25 juta hasil pendapatan bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2008. Jumlah ini didapati berkurangan jika dibandingkan dengan hasil pendapatan pada tempoh yang sama tahun lepas yang berjumlah RM946.06 juta. Hasil pendapatan negeri ini didapati menurun dengan ketara iaitu sebanyak 39.6 peratus daripada jumlah hasil kutipan pada tempoh yang sama tahun lepas. (Jadual 6.1).

Sumber-Sumber Hasil

Sumber-sumber hasil pendapatan kerajaan negeri adalah terdiri daripada cukai tanah, surat cara, premium dan levi perhutanan, pemberian daripada kerajaan pusat serta agensi lain, faedah daripada pelaburan am dan terimaan-terimaan lain.

Sehingga bulan September 2008, hasil pendapatan negeri yang tertinggi adalah daripada sumber **terimaan-terimaan lain** yang mencecah nilai RM213.90 juta. Sumber hasil ini menyumbang 37.4 peratus daripada keseluruhan hasil pendapatan pada tempohmasa ini. Pada tempoh yang sama tahun lepas, hasil daripada sumber ini adalah lebih tinggi iaitu sebanyak RM300.79 juta dengan sumbangan sebanyak 31.8 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil pendapatan negeri.

Hasil daripada cukai tanah merupakan penyumbang yang kedua terbesar iaitu kira-kira 36 peratus daripada jumlah pendapatan negeri pada sembilan bulan pertama tahun ini dengan jumlah RM207.18 juta. Jumlah ini juga didapati merosot 53.3 peratus daripada sejumlah RM443.94 juta yang diperolehi pada tempoh yang sama tahun lepas dengan peratus sumbangan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 46.9 peratus daripada jumlah hasil pendapatan.

Sepanjang sembilan bulan pertama 2008, **pemberian kerajaan pusat, agensi lain dan pertambahan hasil** meningkat 13.5 peratus kepada sebanyak RM69.89 juta iaitu 12.2 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil kerajaan negeri. Kutipan yang diperolehi daripada sumber ini pada tempoh yang sama tahun lepas adalah lebih rendah RM61.57 juta dengan sumbangan sebanyak 6.5 peratus daripada keseluruhan hasil pendapatan negeri.

Sumber daripada **surat cara** pula menyumbang sebanyak 9.4 peratus sepanjang sembilan bulan pertama 2008 dengan jumlah kutipan sebanyak RM53.94 juta berkurangan 41.7 peratus daripada tahun lepas yang berjumlah RM92.54.04 juta dengan sumbangan sebanyak 9.8 peratus.

Sumber hasil **faedah daripada pelaburan am** pula mencatatkan kutipan sebanyak RM14.28 juta atau 2.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil negeri sehingga September 2008. Jumlah hasil daripada sumber ini merosot berbanding pada tempoh yang sama tahun lepas yang mencecah RM25.21 juta dengan sumbangan sebanyak 2.7 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil pendapatan negeri.

Pada sembilan bulan pertama 2008, hasil daripada **premium dan levi perhutanan** mencatatkan kutipan sebanyak RM12.06 juta juga merosot 45.1 peratus berbanding RM22.0 juta pada tempoh yang sama tahun lepas. (Rajah 6.1(a)-(b)).


Jadual 6.1

Sumber Hasil Pendapatan (RM juta) bagi Negeri Johor sehingga September bagi Tahun 2007 dan 2008


Sumber Hasil	Tahun 2007				Tahun 2008			
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3
Tanah	52.69	187.42	203.83	443.94	49.95	145.76	11.47	207.18
Surat Cara	12.96	27.08	52.50	92.54	16.13	24.55	13.26	53.94
Premium dan Levi Perhutanan	3.38	7.00	11.63	22.00	1.40	1.22	9.44	12.06
Pemberian Kerajaan Pusat/ Agensi Negeri/ pertambahan hasil	-	20.52	41.05	61.57	34.10	5.17	30.62	69.89
Pelaburan Am	3.59	8.54	13.08	25.21	9.64	2.92	1.72	14.28
Terimaan-terimaan lain	52.12	78.47	170.20	300.79	41.71	62.06	110.13	213.90
Jumlah	124.74	329.03	492.29	946.06	152.93	241.68	176.65	571.25

Sumber: Perbendaharaan Negeri Johor

Rajah 6.1(a)
Sumber- Sumber Hasil Pendapatan Negeri Johor
Sehingga September 2007



Rajah 6.1(b)
Sumber-Sumber Hasil Pendapatan Negeri Johor
Sehingga September 2008



PERBELANJAAN

Perbendaharaan Negeri Johor melaporkan bahawa perbelanjaan kerajaan negeri Johor mencecah sejumlah RM620.64 juta. Jumlah ini didapati berkurangan sebanyak 20.5 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas yang berjumlah RM781.46 juta.

Perbelanjaan Pembangunan

Komponen perbelanjaan pembangunan terdiri daripada perbelanjaan kepada infrastruktur am serta kemudahan asas, program pembangunan Islam, pertanian dan kemudahan asas, perumahan dan lain-lain.

Jumlah perbelanjaan pembangunan bagi sembilan bulan pertama tahun 2008, berjumlah RM103.22 juta juga berkurangan daripada RM120.45 juta pada tempoh yang sama tahun lepas. Tumpuan perbelanjaan pada tempoh ini juga pada pertanian dan kemudahan asas iaitu sebanyak RM47.05 juta diikuti bagi perbelanjaan infrastruktur am serta kemudahan pentadbiran yang bernilai RM41.09 juta.

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus pula terbahagi kepada beberapa komponen iaitu emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan bayaran tetap dan lain-lain.

Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus sehingga bulan pertama 2008 adalah sebanyak RM517.4 juta juga merosot daripada RM661.01 juta pada tempoh yang sama tahun lepas. Dalam tempoh ini, perbelanjaan bagi emolumen juga adalah yang tertinggi iaitu sebanyak RM209.57 juta diikuti oleh pemberian dan bayaran tetap yang berjumlah RM169.55 juta dan perkhidmatan serta bekalan yang berjumlah RM133.7 juta. (Jadual 6.2 dan Rajah 6.2).

Jadual 6.2

Komponen Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Mengurus (RM juta) bagi Negeri Johor sehingga September 2007 dan 2008

Komponen	Tahun 2007				Tahun 2008			
	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3	ST1	ST2	ST3	ST1 - ST3
A. Perbelanjaan Pembangunan	10.59	33.04	76.82	120.45	4.13	27.21	71.89	103.22
Infrastruktur Am Serta Kemudahan Pentadbiran	4.26	20.70	37.10	62.06	0.54	10.52	30.04	41.09
Program Pembangunan Islam	2.73	4.26	8.24	15.23	1.17	3.41	7.84	12.43
Pertanian/Kemudahan Asas	3.37	7.81	30.51	41.69	2.29	13.01	31.76	47.05
Perumahan	-	0.03	0.64	0.68	0.06	0.07	1.13	1.27
Lain-lain	0.24	0.24	0.32	0.79	0.06	0.21	1.12	1.38
B. Perbelanjaan Mengurus	72.23	192.56	396.21	661.01	113.11	171.77	232.53	517.41
Emolument	49.79	105.14	180.53	335.45	66.23	71.17	72.17	209.57
Perkhidmatan dan Bekalan	12.87	57.62	109.04	179.52	6.61	48.68	78.41	133.70
Aset	0.13	0.57	1.72	2.42	0.15	1.27	2.57	3.99
Pemberian dan Bayaran Tetap	9.42	29.10	104.73	143.25	40.04	50.60	78.90	169.55
Lain-lain	0.02	0.14	0.20	0.36	0.08	0.05	0.48	0.61
Jumlah Perbelanjaan	82.83	225.60	473.03	781.46	117.24	198.98	304.41	620.64

Sumber: Perbendaharaan Negeri Johor

Rajah 6.2

Komponen Perbelanjaan pembangunan dan Mengurus bagi Negeri Johor sehingga September 2007 dan 2008

